



2024

LAPORAN TAHUNAN

Hospital Canselor
Tuanku Muhriz

— Better . Faster . Friendlier —



Hakcipta Hospital Canselor Tuanku Muhriz, UKM

Cetakan Pertama 2024

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam bentuk lain dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran Hospital Canselor Tuanku Muhriz, UKM terlebih dahulu.

Diterbitkan oleh:

Jabatan Multimedia & Penyiaran
Hospital Canselor Tuanku Muhriz, UKM
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak,
56000 Cheras, Kuala Lumpur.

Rekabentuk dan dicetak oleh:

Jabatan Multimedia & Penyiaran
Hospital Canselor Tuanku Muhriz, UKM
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak,
56000 Cheras, Kuala Lumpur.



Isi Kandungan

04	Perutusan Pengarah
06	Pernyataan Kualiti
08	Imbauan Aktiviti HCTM 2024
17	Liputan Media
20	Latar Belakang HCTM
21	Fungsi Utama HCTM
22	Carta Organisasi HCTM
24	Lembaga Pengarah UKM
27	Pengurusan Tertinggi UKM
28	Pro Naib Canselor UKM
29	Majlis Hospital Pengajar
31	Ahli Pengurusan HCTM

Laporan Eksekutif	32
Hospital Canselor Tuanku Muhriz	

Bab 2	54
HCTM Merintis Jaringan Industri dan Komuniti Inklusif	

64	Bab 3
Transformasi Pembangunan Holistik	

76	Bab 4
Memperkasa Kemudahan Pelanggan	

44	Bab 1
HCTM Mengungguli Kecemerlangan dalam Perkhidmatan	

Bab 5	88
Modal Insan Berkualiti, Pengurusan Kewangan Berintegriti	

Perutusan Pengarah



Saya yakin HCTM akan sentiasa meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan, memberi fokus dalam bidang penyelidikan dan inovasi serta memanfaatkan kepakaran dan fasiliti yang ada demi memastikan masyarakat menerima perkhidmatan yang terbaik dan menyeluruh.

Dato' Dr. Azmi Baharudin
Pengarah
Hospital Canselor Tuanku Muhriz



Assalamualaikum w.b.t. Salam Sejahtera, Salam Madani, dan Salam Perpaduan.

Alhamdulillah, dengan keizinan Allah SWT, Buku Laporan Tahunan Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) 2024 berjaya diterbitkan berdasarkan kemajuan dan pencapaian sepanjang tahun 2024. Pencapaian ini menjadi tanda aras kepada kejayaan HCTM dalam melaksanakan fungsi serta peranannya sebagai institusi kesihatan yang berdaya saing dan dinamik demi memperkasakan kualiti pengurusan pesakit. Tambahan pula, penerbitan buku ini juga sebagai rekod penting bagi setiap aktiviti, peristiwa dan perangkaan yang berkaitan dengan HCTM.

Sekalung ucapan tahniah dan syabas diberikan kepada semua Ahli Jawatankuasa Laporan Tahunan HCTM 2024 kerana berjaya menyempurnakan penerbitan yang berkualiti kepada HCTM. Saya yakin banyak input berguna di dalam buku laporan ini mampu dikongsi bersama warga HCTM dan pihak luar. Di samping itu, ucapan penghargaan dan terima kasih diberikan kepada semua Jabatan/Pusat/Unit atas kerjasama yang jitu dan padu dalam memberikan maklumat bagi memastikan penyediaan buku laporan ini dapat dilaksanakan mengikut garis masa yang ditetapkan.

Pada tahun 2024, HCTM telah melakar pelbagai kejayaan termasuk kakitangan yang berjaya melanjutkan pengajian di peringkat tinggi dan memperoleh sijil profesional. Selain itu, HCTM telah membina jaringan perhubungan dan kerjasama dengan pelbagai organisasi bagi memastikan rangkaian strategik yang baik dan mantap menerusi Memorandum Perjanjian (MoA), Memorandum Persefahaman (MoU), kolaborasi bersama hospital rakan kongsi dalam dan luar negara, penglibatan dalam persidangan dan forum kesihatan, Program Tanggungjawab Sosial (CSR) dan sebagainya.

Saya yakin HCTM akan sentiasa meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan, memberi fokus dalam bidang penyelidikan dan inovasi serta memanfaatkan kepakaran dan fasiliti yang ada demi memastikan masyarakat menerima perkhidmatan yang terbaik dan menyeluruh.

Akhirulkalam, semoga penerbitan Buku Laporan Tahunan HCTM 2024 ini akan memberi manfaat kepada semua pihak yang ingin mengenali dan mengetahui secara terperinci mengenai peranan HCTM serta menjadi sumber rujukan yang bermanfaat kepada masyarakat.

*Langit cerah awan berarak,
Burung terbang riang bersama,
Layanan mesra petugas bijak,
Hospital cemerlang, rakyat selesa.*

Sekian, wabillahaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.

PERNYATAAN KUALITI

Hospital Canselor
Tuanku Muhriz



MISI



VISI



DASAR
KUALITI

FALSAFAH UKM ▶

Paduan antara iman kepada ALLAH dan ilmu yang bermanfaat serta gabungan antara teori dan amal adalah dasar utama bagi perkembangan ilmu, proses pembinaan masyarakat terpelajar dan pembangunan universiti

DASAR KUALITI ▶

Hospital Canselor Tuanku Muhriz bertekad memberikan perkhidmatan yang efisien, berfokuskan pesakit, kompeten dan beretika berlandaskan konsep penambahbaikan berterusan.

VISI ▶


Hospital Canselor Tuanku Muhriz bertekad menjadi sebuah hospital pengajar tersohor di dalam memberi perkhidmatan perawatan yang komprehensif serta menyokong penyelidikan dan pendidikan untuk kesejahteraan sejagat

MISI ▶

Hospital Canselor Tuanku Muhriz bertekad sentiasa memupuk budaya cemerlang dalam memberi perawatan yang efisien dan berkualiti melalui warga kerja yang terlatih dan kompeten serta memangkin pembelajaran berterusan dan menyokong penyelidikan berimpak tinggi.

OBJEKTIF ▶

Objektif Hospital Canselor Tuanku Muhriz adalah seperti berikut: -



IMBAUAN AKTIVITI 2024

Hospital Canselor Tuanku Muhriz



Januari 2024

Majlis Perhimpunan Kakitangan Hospital Canselor Tuanku Muhriz Bil. 1/2024 yang diadakan pada 29 Januari 2024 bertempat di Ruang Galeri, Kompleks Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar, HCTM dihadiri oleh Pengarah bersama Ahli-ahli Pengurusan HCTM.



Februari 2024

Majlis Perasmian Hari Kesedaran Kanser Hati bersempena Hari Kanser Sedunia 2024 yang diadakan pada 4 Februari 2024 bertempat di Komune Living & Wellness, Cheras, Kuala Lumpur. Majlis disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan Malaysia.



Februari 2024

Majlis Perasmian Pertandingan Mission SlimPossible MOHE 2.0 telah diadakan pada 7 Februari 2024 bertempat di Dewan Za'aba, Kementerian Pendidikan Tinggi, Putrajaya telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Dr. Hj. Megat Sany Megat Ahmad Supian, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).



Februari 2024

Program Khatan Beramai-ramai (Sunathon) Kementerian Pendidikan Tinggi secara percuma, anjuran Biro Agama dan Kerohanian PUSPANITA Cawangan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan kerjasama Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) telah diadakan pada 22 Februari 2024 di Dewan Za'aba, KPT disempurnakan oleh Encik Mohamad Azhan Md. Amir, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).



Februari 2024

Pasukan Audit SIRIM QAS International Sdn. Bhd. telah menjalankan **Audit Pensijilan Semula Program MS ISO 9001:2015 SPK HCTM** selama tiga hari bermula 21 hingga 23 Februari 2024. Taklimat pembukaan audit telah disampaikan oleh Pengarah HCTM yang diadakan di Bilik Mesyuarat Lembaga, HCTM.



Mac 2024

Majlis Perasmian Mesin MRI 3 TESLA yang diadakan pada 8 Mac 2024 telah disempurnakan oleh Pengarah HCTM di Bilik Mesyuarat Jabatan Perkhidmatan Radiologi, Blok Klinikal HCTM.



April 2024

Program Bingkisan Kasih Aidilfitri 2024 bagi menyantuni beberapa pesakit di Wad Ortopedik, Wad Obstetrik & Ginekologi, Wad CCU, Wad Medikal, Wad Surgery dan Wad Psikiatri telah diadakan pada 3 April 2024. Program ini merupakan anjuran Pejabat Pengarah dengan kerjasama jabatan-jabatan di bawah portfolio Timbalan Pengarah (Perkhidmatan Surgery) serta Jabatan Komunikasi Korporat dan Khidmat Pelanggan.



April 2024

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2024/1445H Kampus Kuala Lumpur (Zon Cheras) UKM disambut meriah pada 23 April 2024 di Perkarangan Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar, Hospital Canselor Tuanku Muhriz dengan kehadiran lebih 3,000 warga Kampus Kuala Lumpur (Zon Cheras) UKM.



April 2024

Majlis Penyerahan Projek Rolling Plan 4 (RP4) Rancangan Malaysia Ke-11 UKM – Menaiktaraf Sistem Pepasangan Elektrik di Hospital Canselor Tuanku Muhriz telah diadakan pada 30 April 2024 bertempat di Bilik Mesyuarat, Blok Tambahan, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar, HCTM.



Mei 2024

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan kerjasama Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) telah menganjurkan **Program Mission SlimPossible MOHE 2.0** sesi kedua pada 6 Mei 2024 di Dewan Za'ba, Putrajaya.



Mei 2024

Hari Mesra bersama Perkhidmatan Kejururawatan UKM 2024 yang diadakan pada 6 Mei 2024 di Lobi Utama HCTM merupakan hasil kerjasama tujuh (7) entiti warga kejururawatan berjumlah hampir 2,033 orang di bawah UKM khususnya jururawat Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM), Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani (HPKK), Jabatan Kejururawatan Fakulti Perubatan dan Raja Muda Abdul Aziz Kuala Lumpur, UKM Specialist Centre (UKMSC), Pusat Kanser UKM-MAKNA dan Pusat Kesihatan Universiti.



Mei 2024

Majlis Penutup Healthcare Leadership Management Programme dan Pertukaran Dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) Antara UKM dan SingHealth telah diadakan pada 7 Mei 2024 bertempat di Auditorium Advanced Surgical Skills Centre (ASSC). Program yang menyasarkan peserta terdiri kumpulan pengurusan dan profesional daripada gugusan hospital pengajar (Konsortium Hospital Universiti Awam Malaysia).



Mei 2024

Kempen Jom Derma Darah merupakan program tahunan yang diadakan dengan kerjasama Pusat Darah Negara (PDN). Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan menggalakkan orang awam dan kakitangan hospital serta masyarakat setempat untuk menyumbangkan darah bagi membantu pesakit yang memerlukan. Program ini diadakan secara bersiri dan tahun ini sahaja sebanyak 7 siri telah diadakan di HCTM.



Jun 2024

Program Korban dan Akikah anjuran Surau Ibnu Sina, Hospital Canselor Tuanku Muhriz telah dilaksanakan pada 10 Zulhijah 1445H selepas selesai Solat Sunat Aidiladha dengan kehadiran hampir 200 orang kakitangan sebagai sukarelawan.



Jun 2024

Majlis Penyerahan Replika Cek bagi Program YUEM Medical Assistance Tahun 2023 kepada Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) telah diadakan pada 20 Jun 2023 bertempat di Galeri UEM, Aras 8, Mercu UEM Kuala Lumpur. Pengarah Urusan UEM Group Berhad dan Lembaga Pemegang Amanah Yayasan UEM telah menyampaikan sumbangan sebanyak RM500,000.00 kepada Tabung Kebajikan Pesakit HCTM.



Julai 2024

Pasukan perubatan Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) bersama Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani, Hospital Pakar Kanak-kanak UKM telah mengadakan Perkhidmatan Klinik Bergerak dan Ziarah Kasih (*Home Visit*) pada 2 Julai 2024 di Surau Kampung Permatang Ara, Sungai Bakap, Pulau Pinang bersempena **Program Outreach Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) @ Pulau Pinang 2024**.



Julai 2024

Pengarah dan Ahli-ahli Pengurusan HCTM meluangkan masa meraikan warga kerja dan orang awam dengan membuat edaran kek cawan di Lobi Utama bersempena **Sambutan Ulang Tahun ke-27 penubuhan HCTM** yang diadakan pada 23 Julai 2024.



Julai 2024

Majlis Sambutan Minggu Sarcoma dan Ulang Tahun Unit Tumor Muskoskeletal Ke-15 Peringkat Hospital Canselor Tuanku Muhriz UKM 2024 telah diadakan pada 25 Julai 2024 bertempat di Lobi Utama, HCTM.



Julai 2024

Yayasan Aeon Malaysia (MAF) telah menyumbang RM100,000.00 kepada Hospital Canselor Tuanku Muhriz bersempena Ulang Tahun ke-20 di bawah Program Aeon Kasih di Anjung Floria, Putrajaya.



Ogos 2024

Majlis Bicara HCTM: 45 Minit bersama Pengarah merupakan majlis yang menghimpunkan barisan pengurusan dan warga kerja bagi melihat pencapaian dan kecemerlangan yang telah dilakar oleh HCTM bermula dari Januari sehingga Julai 2024. Majlis ini telah diadakan pada 13 Ogos 2024 di Ruang Galeri, Kompleks.



Ogos 2024

Program Ceramah Motivasi: Merdekakah Pemikiran Kita? Sempena Kemerdekaan Ke-67 Peringkat Hospital Canselor Tuanku Muhriz telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Ustaz Kazim Elias, penceramah jemputan pada 21 Ogos 2024 di Auditorium, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar, HCTM.



22



Ogos 2024

Tayangan Filem Penunggang Agama 2 Sempena **Program Merdeka: Tanah Airku Peringkat HCTM** telah diadakan pada 28 Ogos 2024 di Auditorium, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar, HCTM. Buat julung kalinya, ia diadakan sempena sambutan Bulan Kemerdekaan.



23



September 2024

Program Sunathon Bukit Aman 2024 telah diadakan pada 15 September 2024 jam 8.00 pagi bertempat di Masjid Bukit Aman, Tasik Perdana Kuala Lumpur. Program anjuran PDRM dengan kerjasama HCTM ini diadakan untuk mengeratkan ukhuwah dan silaturahim antara kedua-dua belah pihak serta menerapkan nilai-nilai murni dan permuafakatan dengan masyarakat setempat serta orang ramai.



September 2024

Majlis Anugerah Perkhidmatan Tahun 2024 telah diadakan pada 28 September 2024 bertempat di Dewan Tun Razak Bank Rakyat Convention Centre. Seramai 238 penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun 2023 dan 120 penerima Anugerah Perkhidmatan 20 Tahun.



Oktober 2024

Majlis Perasmian Program Khidmat Masyarakat 'Mari Berjumpa Pakar Kesihatan' telah diadakan bersempena dengan Bulan Kesedaran Vaskular pada 18 hingga 19 Oktober 2024, di Dewan Komuniti Bestari, Mukim Lekir Batu 10, Sitiawan, Perak bagi memberi kesedaran, pendedahan dan mendidik masyarakat khususnya terhadap penyakit vaskular agar lebih cakna dalam mengenali gejala-gejala, faktor risiko, cara pengesanan dan pencegahan penyakit, penjagaan serta rawatan.



Oktober 2024

Majlis Perasmian Minggu Risiko, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MRKKP) UKM 2024 anjuran Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (ROSH-UKM) telah diadakan pada 21 Oktober 2024 bertempat di Auditorium, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar HCTM. MRKKP yang berlangsung pada 21 hingga 25 Oktober 2024 merupakan kerjasama dengan entiti di bawah Kampus Kuala Lumpur.



November 2024

Majlis Hari Kesedaran Penyakit Jarang Jumpa 2024 telah diadakan pada 14 November 2024 bertempat di Auditorium Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar, Hospital Canselor Tuanku Muhriz bagi meningkatkan kesedaran dan pemahaman masyarakat terhadap cabaran yang dihadapi oleh pesakit penyakit jarang jumpa.



Disember 2024

Majlis Pelancaran Kemudahan Terkini Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) yang diadakan pada 2 Disember 2024 di Lobi Utama HCTM memperkenalkan pelbagai kemudahan baharu iaitu Lobi Kemasukan dan Discaj dan Klinik Virtual.



Disember 2024

Program Riadah Bersama Pengarah Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) telah diadakan pada 17 Disember 2024 bertempat di Galeri, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar, HCTM yang berjaya mengumpul seramai 140 orang mengikut portfolio Barisan Pengurusan HCTM.



Disember 2024

Sunathon Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) yang diadakan pada 21 Disember 2024 bertempat di Lobi Utama Blok Klinikal, HCTM merupakan acara tahunan yang bertujuan memberi peluang kepada anak-anak kakitangan hospital untuk menyertai aktiviti khatan secara percuma.



Liputan Media HCTM

Statistik Aktiviti Temubual/Wawancara dan Artikel HCTM di Media

BIL.	MEDIA	JUMLAH
1.	Temubual/Wawancara	36
2.	Media cetak	162
JUMLAH KESELURUHAN		198

Statistik Artikel berkaitan HCTM di Media Cetak

BIL.	SURAT KHABAR	JUMLAH
1.	Berita Harian	19
2.	Harian Metro	18
3.	Utusan/Mingguan Malaysia	50
4.	The Star	37
5.	Sinar Harian	8
6.	Lain-lain	30
JUMLAH KESELURUHAN		162



Rawatan glaukoma tanpa trauma

Glaukoma adalah penyakit mata yang menyebabkan kebutaan. Rawatan glaukoma tanpa trauma adalah prosedur yang selamat dan berkesan. Doktor pakar glaukoma akan melakukan prosedur ini dengan menggunakan teknologi terkini. Prosedur ini dilakukan dengan menggunakan laser untuk mengurangkan tekanan intraokular. Prosedur ini dilakukan dengan menggunakan teknologi terkini. Prosedur ini dilakukan dengan menggunakan laser untuk mengurangkan tekanan intraokular.



Clearing the air

Asymptomatic infections can persist undetected for the duration of an individual's life. It is important to clear the air. Dr. Patrick is a specialist in infectious diseases. He emphasizes that information about STD prevention needs to be easily accessible to everyone. Additionally, he said, improving access to comprehensive sexual health services is crucial for young people who are sexually active. "Cultural barriers and misinformation often underpin prevention campaigns, so we need to address these challenges to reach the target young people."



Plastik dalam usus manusia

Plastic is found in the human gut. This is a concerning finding. The study found that plastic particles are present in the human gut. This is a concerning finding. The study found that plastic particles are present in the human gut. This is a concerning finding. The study found that plastic particles are present in the human gut.



Influenza: An important infection overshadowed by Covid-19

It is essential to differentiate between influenza and common cold viruses as the latter can also bring about identical symptoms. Influenza is a viral infection that can cause severe complications. It is important to differentiate between influenza and common cold viruses as the latter can also bring about identical symptoms. Influenza is a viral infection that can cause severe complications. It is important to differentiate between influenza and common cold viruses as the latter can also bring about identical symptoms.



Telaga berdesing simptom awal pekak

Rawatan segera bantu atasi masalah pendengaran. Telaga berdesing adalah simptom awal pekak. Rawatan segera bantu atasi masalah pendengaran. Telaga berdesing adalah simptom awal pekak. Rawatan segera bantu atasi masalah pendengaran. Telaga berdesing adalah simptom awal pekak.



Jangan paksa anak kidal tukar kanan

Itu bapa digalakkan agar guna kedua-dua tangan untuk bantu perkembangan dan kecerdasan otak. Jangan paksa anak kidal tukar kanan. Itu bapa digalakkan agar guna kedua-dua tangan untuk bantu perkembangan dan kecerdasan otak. Jangan paksa anak kidal tukar kanan. Itu bapa digalakkan agar guna kedua-dua tangan untuk bantu perkembangan dan kecerdasan otak.



Important to teach kids early sex education, says family medicine expert

Dr. Mohamad Nuzli Syafie. It is important to teach kids early sex education. Dr. Mohamad Nuzli Syafie is a family medicine expert. It is important to teach kids early sex education. Dr. Mohamad Nuzli Syafie is a family medicine expert. It is important to teach kids early sex education. Dr. Mohamad Nuzli Syafie is a family medicine expert.



Rawat HPV elak tukar jadi kanser

Langkah itu boleh berterusan hingga sel-sel virus pada serviks bertukar menjadi 'garang' (dysplasia). Rawat HPV elak tukar jadi kanser. Langkah itu boleh berterusan hingga sel-sel virus pada serviks bertukar menjadi 'garang' (dysplasia). Rawat HPV elak tukar jadi kanser. Langkah itu boleh berterusan hingga sel-sel virus pada serviks bertukar menjadi 'garang' (dysplasia).



Berpuasa redakan rasa

Dr. Mohamad Nuzli Syafie. Berpuasa redakan rasa. Dr. Mohamad Nuzli Syafie is a family medicine expert. Berpuasa redakan rasa. Dr. Mohamad Nuzli Syafie is a family medicine expert. Berpuasa redakan rasa. Dr. Mohamad Nuzli Syafie is a family medicine expert.



Sihat

Dr. Mohamad Nuzli Syafie. Sihat. Dr. Mohamad Nuzli Syafie is a family medicine expert. Sihat. Dr. Mohamad Nuzli Syafie is a family medicine expert. Sihat. Dr. Mohamad Nuzli Syafie is a family medicine expert.



JEJAS USUS BESAR

Dr. Mohamad Nuzli Syafie. JEJAS USUS BESAR. Dr. Mohamad Nuzli Syafie is a family medicine expert. JEJAS USUS BESAR. Dr. Mohamad Nuzli Syafie is a family medicine expert. JEJAS USUS BESAR. Dr. Mohamad Nuzli Syafie is a family medicine expert.



Saringan kanser serviks seawal usia 21 tahun bagi wanita aktif seksual

Dr. Mohamad Nuzli Syafie. Saringan kanser serviks seawal usia 21 tahun bagi wanita aktif seksual. Dr. Mohamad Nuzli Syafie is a family medicine expert. Saringan kanser serviks seawal usia 21 tahun bagi wanita aktif seksual. Dr. Mohamad Nuzli Syafie is a family medicine expert. Saringan kanser serviks seawal usia 21 tahun bagi wanita aktif seksual. Dr. Mohamad Nuzli Syafie is a family medicine expert.



Penjagaan alahan produk

Dr. Mohamad Nuzli Syafie. Penjagaan alahan produk. Dr. Mohamad Nuzli Syafie is a family medicine expert. Penjagaan alahan produk. Dr. Mohamad Nuzli Syafie is a family medicine expert. Penjagaan alahan produk. Dr. Mohamad Nuzli Syafie is a family medicine expert.



Kos hidup tinggi faktor tak tambah zuriat

Dr. Mohamad Nuzli Syafie. Kos hidup tinggi faktor tak tambah zuriat. Dr. Mohamad Nuzli Syafie is a family medicine expert. Kos hidup tinggi faktor tak tambah zuriat. Dr. Mohamad Nuzli Syafie is a family medicine expert. Kos hidup tinggi faktor tak tambah zuriat. Dr. Mohamad Nuzli Syafie is a family medicine expert.



Usah terpedaya rawatan alternatif rawat kanser payudara

Dr. Mohamad Nuzli Syafie. Usah terpedaya rawatan alternatif rawat kanser payudara. Dr. Mohamad Nuzli Syafie is a family medicine expert. Usah terpedaya rawatan alternatif rawat kanser payudara. Dr. Mohamad Nuzli Syafie is a family medicine expert. Usah terpedaya rawatan alternatif rawat kanser payudara. Dr. Mohamad Nuzli Syafie is a family medicine expert.



Makin ramai wanita hidup kanser paru-paru

Dr. Mohamad Nuzli Syafie. Makin ramai wanita hidup kanser paru-paru. Dr. Mohamad Nuzli Syafie is a family medicine expert. Makin ramai wanita hidup kanser paru-paru. Dr. Mohamad Nuzli Syafie is a family medicine expert. Makin ramai wanita hidup kanser paru-paru. Dr. Mohamad Nuzli Syafie is a family medicine expert.



Keadaan kulit akibat allergic contact dermatitis menyerupai petunjuk utama lautan muncul di bahagian kulit terkena produk tersebut

Dr. Mohamad Nuzli Syafie. Keadaan kulit akibat allergic contact dermatitis menyerupai petunjuk utama lautan muncul di bahagian kulit terkena produk tersebut. Dr. Mohamad Nuzli Syafie is a family medicine expert. Keadaan kulit akibat allergic contact dermatitis menyerupai petunjuk utama lautan muncul di bahagian kulit terkena produk tersebut. Dr. Mohamad Nuzli Syafie is a family medicine expert. Keadaan kulit akibat allergic contact dermatitis menyerupai petunjuk utama lautan muncul di bahagian kulit terkena produk tersebut. Dr. Mohamad Nuzli Syafie is a family medicine expert.



18

Dr. Mohamad Nuzli Syafie. 18. Dr. Mohamad Nuzli Syafie is a family medicine expert. 18. Dr. Mohamad Nuzli Syafie is a family medicine expert. 18. Dr. Mohamad Nuzli Syafie is a family medicine expert.



5

Dr. Mohamad Nuzli Syafie. 5. Dr. Mohamad Nuzli Syafie is a family medicine expert. 5. Dr. Mohamad Nuzli Syafie is a family medicine expert. 5. Dr. Mohamad Nuzli Syafie is a family medicine expert.



5

Dr. Mohamad Nuzli Syafie. 5. Dr. Mohamad Nuzli Syafie is a family medicine expert. 5. Dr. Mohamad Nuzli Syafie is a family medicine expert. 5. Dr. Mohamad Nuzli Syafie is a family medicine expert.



Rancangan Bual Bicara Wanita Hari Ini - WHI TV3



Rancangan Bual Bicara Helo Doktor TV3



Rancangan Bual Bicara Malaysia Hari Ini - MHI TV3





Latar Belakang Hospital Canselor Tuanku Muhriz

Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) mula dibina pada 2 November 1993. Pembinaan HUKM dimulakan di tapak seluas 23 hektar di Jalan Yaakob Latiff, Bandar Tun Razak, Cheras Kuala Lumpur.

Pada 1 Julai 1997, HUKM telah siap dibina dan memulakan operasi dilengkapi dengan pelbagai peralatan moden dan terkini. YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia ketika itu telah merasmikannya pada 14 Julai 1998.

HUKM dinamakan Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) pada 14 Oktober 2014 dan telah disempurnakan perasmiaannya oleh DYMM Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir, Canselor UKM.

Pentadbiran HCTM disokong oleh 17 buah Jabatan Klinikal, sembilan (9) buah Jabatan Sokongan Klinikal, enam (6) buah Jabatan Pentadbiran dan tujuh (7) Pusat Kecemerlangan Hospital yang mempunyai peranan dan fungsi tersendiri bagi menyokong pentadbiran dan pengurusan HCTM.





Fungsi Utama Hospital Canselor Tuanku Muhriz

Hospital Canselor Tuanku Muhriz menjalankan peranannya sebagai Hospital Pengajar Universiti dengan tiga (3) fungsi utama yang saling melengkapi, iaitu perkhidmatan, pendidikan dan penyelidikan:

PERKHIDMATAN



- Menyediakan perkhidmatan perawatan yang komprehensif.
- Pusat rujukan tertiar.
- Khidmat perundingan kepakaran.

PENDIDIKAN




- Menyediakan kemudahan latihan kepada Fakulti Perubatan dan fakulti lain di UKM.
- Latihan klinikal di Pusat-pusat Kecemerlangan.
- Latihan Sub-kepakaran kepada Kementerian Kesihatan Malaysia, Universiti dalam dan luar negara.

PENYELIDIKAN



- Menyokong penyelidikan berimpak tinggi.
- Bekerjasama dengan organisasi dalam dan luar negara.



Petunjuk:




PERKHIDMATAN KLINIKAL DAN SOKONGAN KLINIKAL



PERKHIDMATAN BUKAN KLINIKAL

CARTA ORGANISASI

HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ



Lembaga Pengarah

Universiti Kebangsaan Malaysia



Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohamad Abd. Razak
Pengerusi Lembaga Pengarah
Universiti Kebangsaan Malaysia



Prof. Dato' Gs. Ts. Dr. Mohd Ekhwan Hj. Toriman
Naib Canselor
Universiti Kebangsaan Malaysia



Prof. Datuk Dr. Azlinda Azman
Wakil Kementerian Pendidikan Tinggi
Malaysia



Puan Habshah Ali
Wakil Kementerian Kewangan
Malaysia



Dato' Dr. Mohd Zaidi Md Zain@Zakaria
Wakil Masyarakat



Prof. Dr. Bariah Mohd Ali
Wakil Senat



Datuk Johan Idris
Wakil Sektor Swasta



Datuk Ahmad Shalimin Ahmad Shaffie
Wakil Sektor Swasta



Prof. Emeritus Dato' Dr. Morshidi Sirat
Wakil Sektor Swasta



Dato' Yeow Wah Chin
Wakil Alumni Universiti



Prof. Dr. Mohamad Tajuddin Haji Mohamad Rasdi
Wakil Berpengetahuan dan Berpengalaman

Ex - Officio



Prof. Dr. Abdul Halim Abdul Gafor
Timbalan Naib Canselor
Hal-Ehwal Akademik dan
Antarabangsa



Prof. Dato' Dr. Wan Kamal Mujani
Timbalan Naib Canselor
Hal-Ehwal Penyelidikan dan Inovasi



Prof. Dato' Ts. Dr. Norazah Mohd Nordin
Timbalan Naib Canselor
Hal-Ehwal Jaringan Industri
dan Masyarakat
(sehingga 31 Ogos 2024)



Prof. Madya Dr. Mohd Suzeren Md Jamil
Timbalan Naib Canselor
Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni



Encik Mohd Azli Mohd Kasirun
Bendahari UKM



Prof. Dr. Salawati Mat Basir
Penasihat Undang-Undang
(sehingga 31 Julai 2024)



Prof. Madya Dr. Haniff Ahamat
Menjalankan Fungsi
Penasihat Undang-Undang
(mulai 1 Ogos - 31 Oktober 2024)



Puan Hazlina Mohd Khalid
Penasihat Undang-Undang
(bermula 1 November 2024)



Dato' Dr. Syed Kamarudin Hj. Sadakkuthulla
Pendaftar (Setiausaha)
(sehingga 28 April 2024)



Tuan Haji Zanudin Mohd Daud
Menjalankan Fungsi Pendaftar (Setiausaha)
(bermula 29 April 2024)

Ahli Silih Ganti



Encik Ahmad Rizal Adnan
Ahli Silih Ganti
Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia



Encik Mohammad Khairul Nazri Ghazali
Wakil Silih Ganti
Kementerian Kewangan Malaysia

Pengurusan Tertinggi Universiti Kebangsaan Malaysia



**Prof. Dato' Gs. Ts. Dr.
Mohd Ekhwan Hj. Toriman**
Naib Canselor
Universiti Kebangsaan Malaysia



Prof. Dr. Abdul Halim Abdul Gafor
Timbalan Naib Canselor
Hal-Ehwal Akademik
dan Antarabangsa



Prof. Dato' Dr. Wan Kamal Mujani
Timbalan Naib Canselor
Hal-Ehwal Penyelidikan dan Inovasi



**Prof. Madya Dr.
Mohd Suzeren Md Jamil**
Timbalan Naib Canselor
Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni



**Prof. Dato' Ts. Dr.
Norazah Mohd Nordin**
Timbalan Naib Canselor
Hal-Ehwal Jaringan Industri
dan Masyarakat
(sehingga 31 Ogos 2024)



Dato' Dr. Syed Kamarudin Hj. Sadakkuthulla
Pendaftar (Setiasaha)
(sehingga 28 April 2024)



Tuan Haji Zanudin Mohd Daud
Menjalankan Fungsi Pendaftar (Setiasaha)
(bermula 29 April 2024)



Encik Mohd Azli Mohd Kasirun
Bendahari



Cik Rohaya Umar
Ketua Pustakawan



Puan Hazlina Mohd Khalid
Penasihat Undang-Undang
(bermula pada 1 November 2024)

Pro Naib Canselor

Universiti Kebangsaan Malaysia



Prof. Dato' Dr. Roslee Rajikan
Pro Naib Canselor
Strategi dan Kewatanan



Prof. Dr. Norhamidi Muhamad
Pro Naib Canselor
Penjanaan dan Prasarana
(sehingga 14 November 2024)




Prof. Dr. Adi Irfan Bin Che Ani
Pro Naib Canselor
Penjanaan dan Prasarana
(bermula 5 Disember 2024)



Prof. Dato' Dr. Hanafiah Harunarashid
Pro Naib Canselor
Kampus Kuala Lumpur

Majlis Hospital Pengajar Universiti Kebangsaan Malaysia

Fungsi Majlis ▼



Struktur Majlis Hospital Canselor Tuanku Muhriz



Prof. Dato' Gs. Ts. Dr. Mohd Ekhwan Hj. Toriman
Naib Canselor UKM
Pengerusi



Dato' Yeow Wah Chin
Ahli Lembaga Pengarah UKM
Ahli



**Dato' Dr. Mohd Zaidi
Md Zain @ Zakaria**
Ahli Lembaga Pengarah UKM
Ahli



**Prof. Dato' Dr. Hanafiah
Harunarashid**
Pro Naib Canselor
(Kampus Kuala Lumpur)
Ahli



Encik Mohd Azli Mohd Kasirun
Bendahari UKM
Ahli

Struktur Majlis Hospital Canselor Tuanku Muhriz



**Dato' Dr. Syed Kamarudin
Hj. Sadakkuthulla**
Pendaftar
(sehingga 28 April 2024)
Ahli



Tuan Haji Zanudin Mohd Daud
Menjalankan Fungsi Pendaftar
(bermula 29 April 2024)
Ahli



Prof. Dato Dr. Razman Jarmin
Pengarah Hospital Canselor Tuanku Muhriz
(sehingga 30 Jun 2024)
Ahli



Dato' Dr. Azmi Baharudin
Pengarah Hospital Canselor Tuanku Muhriz
(bermula 1 Julai 2024)
Ahli



Prof. Datuk Dr. Ismail Sagap
Pengarah Hospital Tunku Ampuan
Besar Tuanku Aishah Rohani (HPKK)
Ahli



Prof. Dr. Abdul Halim Abdul Gafor
Dekan Fakulti Perubatan UKM
(sehingga 12 Mei 2024)
Ahli



Prof. Datin Dr. Marina Mat Baki
Dekan Fakulti Perubatan UKM
(bermula 13 Mei 2024)
Ahli



Prof. Dr. Suzana Sahar
Dekan Fakulti Sains Kesihatan
Ahli



Prof. Dr. Mohd Makmor Bakry
Dekan Fakulti Farmasi
Ahli



Prof. Dr. Tuti Ningseh Mohd Dom
Dekan Fakulti Pergigian
Ahli



Cik Nurul Hafizah Rasabar
Ketua Pejabat Undang-undang
Kampus Kuala Lumpur
Ahli



Encik Mursidi Ahamad
Timbalan Pengarah (Pentadbiran)
HCTM
Setiausaha

Ahli Pengurusan Hospital Canselor Tuanku Muhriz



Prof. Dato Dr. Razman Jarmin
Pengarah Hospital Canselor Tuanku Muhriz
(sehingga 30 Jun 2024)



Dato' Dr. Azmi Baharudin
Pengarah Hospital Canselor Tuanku Muhriz
(bermula 1 Julai 2024)



Prof. Madya Dr. Jamari Sapuan
Timbalan Pengarah
(Perkhidmatan Bedah)



Dr. Zairul Azwan Mohd Azman
Timbalan Pengarah
(Perkhidmatan Rawatan)



Prof. Dr. Hamzaini Abdul Hamid
Timbalan Pengarah
(Perkhidmatan Diagnostik, Farmasi
dan Sokongan)



Encik Mursidi Ahamad
Timbalan Pengarah
(Pentadbiran)



Puan Wan Omi Wan Yussop
Ketua Jabatan Kewangan



Puan Masrifah Zakaria
Ketua Jabatan
Perkhidmatan Kejururawatan




Laporan Eksekutif

**Hospital Canselor
Tuanku Muhriz**





STATISTIK PESAKIT LUAR DAN PESAKIT DALAM BAGI TAHUN 2020 HINGGA 2024




Rajah 1 : Jumlah kehadiran pesakit ke Hospital Canselor Tuanku Muhriz pada tahun 2020 hingga 2024.

Pada tahun 2024, sejumlah 598,492 orang pesakit telah mendapatkan perkhidmatan Pesakit Luar dan Pesakit Dalam di Hospital Canselor Tuanku Muhriz berbanding seramai 569,940 pada tahun 2023 (peningkatan sebanyak 5%). Secara khususnya, peningkatan kategori Pesakit Dalam pada kadar 1% (31,034) berbanding tahun 2023 (30,843) manakala peningkatan Pesakit Luar pada kadar 5% (567,458) berbanding tahun 2023 (539,097).

STATISTIK PESAKIT MENGIKUT DEMOGRAFI BAGI TAHUN 2022 HINGGA 2024


Rajah 2 menunjukkan daripada jumlah 598,492 pesakit yang mendapatkan rawatan di HCTM pada tahun 2024, jumlah pesakit lelaki adalah lebih tinggi (57%) berbanding perempuan (43%). Ini adalah berbeza berbanding pada tahun 2023, iaitu daripada jumlah 569,940 pesakit yang mendapatkan rawatan di HCTM, jumlah pesakit perempuan adalah lebih tinggi pada kadar 57% berbanding lelaki (43%) dan juga pada tahun 2022, di mana jumlah pesakit perempuan ialah pada kadar lebih tinggi 56% berbanding pesakit lelaki (44%).



Rajah 2 : Jumlah kehadiran pesakit ke Hospital Canselor Tuanku Muhriz mengikut jantina pada tahun 2022 hingga 2024.

598,492 pesakit yang mendapatkan rawatan di HCTM pada tahun **2024.**


JANTINA	TAHUN		
	2022	2023	2024
LELAKI	240,748	243,647	338,566
PEREMPUAN	306,812	326,293	259,926
JUMLAH	547,560	569,940	598,492



Rajah 3 : Jumlah kehadiran pesakit ke Hospital Canselor Tuanku Muhriz mengikut kewarganegaraan pada tahun 2022 hingga 2024.

Rajah 3 menunjukkan 99% pesakit yang hadir mendapatkan rawatan di HCTM merupakan pesakit berstatus warganegara manakala 1% pesakit bukan warganegara.





Rajah 4 : Jumlah kehadiran pesakit ke Hospital Canselor Tuanku Muhriz mengikut kumpulan umur pada tahun 2022 hingga 2024.

UMUR	TAHUN		
	2022	2023	2024
75 tahun ke atas	51,841	59,858	69,167
61-75 tahun	161,768	175,598	189,302
46-60 tahun	100,082	104,309	106,757
26-45 tahun	156,711	161,711	166,115
18-25 tahun	32,841	34,390	33,723
13-17 tahun	11,355	11,904	13,244
7-12 tahun	9,737	7,653	7,279
4-6 tahun	6,637	4,454	3,803
1-3 tahun	10,114	5,210	4,386
Bawah 1 tahun	6,474	4,853	4,716
JUMLAH	547,560	569,940	598,492

Rajah 4 menunjukkan bahawa pesakit yang berusia di antara 61 hingga 75 tahun merupakan golongan tertinggi hadir mendapatkan rawatan di HCTM (32%) diikuti dengan pesakit berusia antara 26 hingga 45 (28%) dan 46 hingga 60 tahun (18%). Bagi kategori usia melebihi 75 tahun sebanyak (12%) dan 18 hingga 25 tahun adalah sebanyak 6%. Pesakit berumur bawah 1 hingga 17 tahun adalah masing-masing pada kadar antara 1% - 2%.

STATISTIK PESAKIT LUAR (OUT-PATIENT)

KLINIK PAKAR/PUSAT	TAHUN		
	2022	2023	2024
Perubatan 1	32,520	33,823	34,056
Perubatan 2	19,724	20,203	20,079
Ortopedik	34,791	35,718	39,516
Surgeri	29,386	32,103	33,461
Oftalmologi	36,385	38,865	43,354
Obstetrik & Ginekologi	21,754	23,066	24,295
Otorinolaringologi	15,914	16,353	17,511
Psikiatri	17,656	20,382	21,733
Endoskopi	4,805	7,270	7,332
Radioterapi & Onkologi	6,981	7,633	9,643
Nefrologi & Dialisis	9,764	9,896	9,435
Bedah Mulut & Maksilofasial	6,425	7,465	7,836
Pusat Reproduksi Termaju (ARC)	5,616	5,367	5,074
Terapi Sel	527	570	1,694
Primer	39,777	50,474	55,210
Poliklinik Warga	18,692	20,199	21,598
Cucian Luka	11,336	3,036	2,405
Pusat Kemasukan O&G (OGAC)	8,370	8,711	8,677
JUMLAH	320,423	341,134	362,909

Jadual 1 : Statistik pesakit luar Klinik Pakar Hospital Canselor Tuanku Muhriz pada tahun 2022 hingga 2024.

PUSAT JAGAAN HARIAN	TAHUN		
	2022	2023	2024
Perubatan	6,608	6,279	6,555
Surgeri	1,453	1,603	1,683
Oftalmologi	1,707	1,731	1,891
Obstetrik & Ginekologi	953	979	1024
Pediatrik	535	-	-
Psikiatri	2,829	3,205	4,201
Radioterapi & Onkologi	5,242	4,990	5,229
Terapi Sel	207	306	473
JUMLAH	19,534	19,093	21,056

Jadual 2 : Statistik pesakit luar Pusat Jagaan Harian Hospital Canselor Tuanku Muhriz pada tahun 2022 hingga 2024.

Jadual 1 menunjukkan secara keseluruhan, terdapat peningkatan jumlah pesakit yang mendapatkan perkhidmatan di Klinik Pakar HCTM pada tahun 2024 berbanding tahun 2023 walaupun terdapat penurunan bagi sesetengah disiplin. Klinik Pakar disiplin Oftalmologi menerima jumlah kehadiran pesakit yang tertinggi pada tahun 2024, diikuti dengan Klinik Ortopedik, Klinik Perubatan dan Klinik Surgeri. Bagi Pusat Jagaan Harian, Pusat Jagaan Harian Perubatan menerima jumlah pesakit tertinggi setiap tahun diikuti oleh Radioterapi & Onkologi (Jadual 2).

PESAKIT LUAR	TAHUN		
	2022	2023	2024
Klinik Pakar	320,423	341,134	362,909
Pusat Jagaan Harian	19,534	19,093	21,056
Perubatan Kecemasan	60,770	57,824	54,266
Perkhidmatan Pemulihan Perubatan	116,677	121,046	129,227
JUMLAH	517,404	539,097	567,458
Kes Baru	152,605	158,787	165,889
Kes Ulangan	364,799	380,310	401,569
Purata Kedatangan Pesakit Sehari	1,990	2,228	2,261

Jadual 3 : Statistik keseluruhan Pesakit Luar Hospital Canselor Tuanku Muhriz pada tahun 2022-2024.

Berdasarkan Jadual 3, secara keseluruhan, jumlah Pesakit Luar bagi tahun 2024 adalah meningkat sebanyak 6% daripada tahun 2023. Dari sudut perkhidmatan, Klinik-klinik Pakar mengendalikan jumlah pesakit tertinggi dari jumlah keseluruhan Pesakit Luar iaitu pada 64% diikuti Jabatan Perkhidmatan Pemulihan Perubatan (23%) Jabatan Perubatan Kecemasan (9%) dan Pusat Jagaan Harian (4%).


□□ Purata kedatangan **pesakit sehari** ialah **2,261 sehari** manakala peratus pendaftaran pesakit baru ialah **sebanyak 29%** dari jumlah keseluruhan **pesakit setahun.**"

STATISTIK PESAKIT DALAM (IN-PATIENT)

PESAKIT DALAM	TAHUN		
	2022	2023	2024
Pengenapan Katil	842	770	750
Purata Katil Digunakan	775	713	706
Kadar Penggunaan Katil (BOR)%	57.70	63.75	64.57
Purata Jangkamasa Tinggal (ALOS)	5.3	5.4	5.4
Jumlah Kemasukkan Pesakit Dalam	30,156	30,843	31,034
Jumlah Discaj	30,552	30,912	31,121
Jumlah Kematian	992	1,017	957
Purata Kedatangan Pesakit Dalam Sehari	83	85	85
Hari Pembalikan Selang (Turnover Interval Day)	3	3	3
Bed Turnover Rate	48.88	4.49	4.35

Jadual 4 : Statistik Pesakit Dalam (In-Patient) Hospital Canselor Tuanku Muhriz bagi tahun 2022 hingga 2024.

Jumlah kemasukan Pesakit Dalam menunjukkan peningkatan sebanyak 1% (31,034) berbanding 2023 (30,843). Purata sejumlah 85 pesakit dimasukkan ke wad setiap hari dan kadar purata tempoh setiap katil dikosongkan dan digunakan oleh pesakit ialah selama 3 hari (Jadual 4).



Rajah 5 : Carta Kadar Penggunaan Katil (BOR) % mengikut disiplin bagi Pesakit Dalam HCTM bagi tahun 2022 hingga 2024.

Nota :Kadar penggunaan katil (BOR) = Jumlah hari pesakit/ Jumlah hari katil X 100%

PESAKIT DALAM	TAHUN					
	2022		2023		2024	
	Kemasukan	BOR	Kemasukan	BOR	Kemasukan	BOR
Perubatan	7,942	77.1	9,522	82.7	9,755	85.0
Ortopedik	2,525	55.2	2,968	62.9	3,013	59.3
Surgeri	7,341	62.0	7,748	65.2	7,834	62.6
Obstetrik & Ginekologi	5,776	45.2	6,148	46.7	6,174	48.6
Psikiatri	401	24.8	502	37.3	442	32.9
Intensif	1,865	62.8	1,682	60.7	1,710	63.6
Radioterapi & Onkologi	943	46.7	1,066	55.3	1,213	64.8
Terapi Sel	117	45.7	113	42.3	142	52.0
Pediatrik	1,887	35.3	84	13.3	-	-
Warga	683	45.5	711	40.2	519	34.3
Eksekutif	676	49.6	299	48.1	232	60.2
JUMLAH	30,156	57.70	30,843	63.75	31,034	64.60

Jadual 5 : Statistik Pesakit Dalam (In-Patient) mengikut disiplin Hospital Canselor Tuanku Muhriz bagi tahun 2022 hingga 2024.

Kadar purata penggunaan katil (BOR) pada tahun 2024 menunjukkan peningkatan pada 64.57% berbanding 2023 (63.75%). Disiplin Perubatan menunjukkan kadar penggunaan katil (BOR) yang tertinggi pada kadar purata 85% pada tahun 2024 diikuti oleh Intensif (63.6%), Surgeri (62.6%) dan Ortopedik (59.3%). Jadual 5 menunjukkan jumlah kemasukan pesakit ke wad yang tertinggi adalah Disiplin Perubatan (31%) pada tahun 2024 diikuti dengan disiplin Surgeri (25%), Obstetrik & Ginekologi (20%) dan Ortopedik (10%).



Rajah 6 : Statistik pembedahan di Hospital Canselor Tuanku Muhriz mengikut disiplin bagi tahun 2022 hingga 2024.

DISIPLIN/UNIT	TAHUN		
	2022	2023	2024
Ortopedik	2,229	2,158	2,353
Surgeri	3,300	3,590	4,105
Oftalmologi	2,067	2,080	2,084
Obstetrik & Ginekologi	2,066	2,023	2,005
Otorinolaringologi	483	484	500
Angio	2,551	2,483	2,693
Trauma	0	0	201
Respiratori	3	1	13
Minor	312	210	298
Brakiterapi	26	33	16
CV Lab	843	1,411	1,240
Wad Khas Dewan Bedah Utama	1,410	924	1,801
Wad Khas O&G	424	406	390
JUMLAH	15,714	15,803	17,699

Jadual 6 : Statistik pembedahan di Hospital Canselor Tuanku Muhriz mengikut disiplin bagi tahun 2022 hingga 2024.

Jumlah **pembedahan** disiplin **Surgeri** adalah yang **tertinggi** diikuti dengan **Angio** dan **Ortopedik** pada tahun **2024.**"

STATISTIK KELAHIRAN BAGI TAHUN 2022 HINGGA 2024

JUMLAH KELAHIRAN MENGIKUT MOD KELAHIRAN 2022-2024 Mod Kelahiran	TAHUN		
	2022	2023	2024
<i>Spontaneous Vaginal Delivery (SVD)</i>	1,548	1,580	1,457
<i>Assisted Forceps Delivery</i>	1	4	1
<i>Assisted Vacuum Delivery</i>	92	136	121
<i>Breech Delivery</i>	4	4	5
<i>Caesarean Section</i>	1,495	1,419	1,405
Jumlah Kelahiran Hidup	3,153	3,191	3,005
Jumlah Kelahiran Mati	27	23	19
Purata Kelahiran Sehari	9	9	9
Berat Kelahiran Bayi			
2.5 kg dan ke bawah	1,508	1,542	1,475
2.6 kg - 3.5 kg	1,623	1,635	1,501
3.6 kg dan ke atas	49	37	48

Jadual 7: Statistik Kelahiran mengikut mod kelahiran dan berat kelahiran di Hospital Canselor Tuanku Muhriz bagi tahun 2022 hingga 2024.

Berdasarkan Jadual 7, jumlah kelahiran pada tahun 2024 menunjukkan pengurangan sebanyak 6% berbanding 2023. Mod kelahiran secara *Spontaneous Vaginal Delivery (SVD)* adalah mod yang tertinggi bagi kaedah kelahiran diikuti dengan *Caesarean Section* dan *Assisted Vacuum Delivery*.

NOTIFIKASI KES PENYAKIT BERJANGKIT BAGI TAHUN 2022 HINGGA 2024

DIAGNOSIS	TAHUN		
	2022	2023	2024
<i>Food and water borne disease</i>			
• Cholera			2
• Dysentery	1	3	7
• Food Poisoning	45	38	63
• Typhoid	2	5	4
<i>Vector Borne Disease</i>			
• Dengue	550	1,249	1,176
• Malaria	4	5	4
• Chikungunya	1	7	
• Yellow Fever			
<i>Vaccine Preventable Disease</i>			
• Measles	7	12	15
• Poliomyelitis	1		1
<i>Sexually Transmitted Disease</i>			
• Gonorrhoea	1	1	5
• Syphilis	4	8	6
<i>Other Infectious Disease</i>			
• Tuberculosis	303	265	319
• Hand, Foot & Mouth Disease	195	84	49
• HIV/ AIDS	52	41	38
• Leptospirosis	4	20	34
• Mers-Cov		2	3
• Pertussis	1	10	6
• Avian Influenza	2	11	60
• Tetanus			
• Leprosy	2	1	2
• Viral Hepatitis	8	31	34
• Viral Encephalitis			
• Relapsing Fever			3
• Diphtheria		2	
• Rabies	10	2	5
• Typhus			1
• Covid-19	2,841	854	304
• Zika Virus Infection		1	
JUMLAH	4,025	2,652	2,141

Jadual 8 : Statistik notifikasi kes penyakit berjangkit di Hospital Canselor Tuanku Muhriz bagi tahun 2022 hingga 2024.

PUNCA UTAMA KEMASUKAN PESAKIT DALAM MENGIKUT PENYAKIT DI HCTM BAGI TAHUN 2022 HINGGA 2024

Kod ICD10	Keterangan	Jumlah
J18.9	<i>Pneumonia, unspecified</i>	876
I20.0	<i>Unstable angina</i>	744
I25.1	<i>Atherosclerotic heart disease</i>	512
O80.0	<i>Spontaneous vertex delivery</i>	493
I21.4	<i>Acute subendocardial myocardial infarction</i>	456
O70.0	<i>First degree perineal laceration during delivery</i>	435
P59.9	<i>Neonatal jaundice, unspecified</i>	337
N39.0	<i>Urinary Tract Infection, site not specified</i>	324
I50.0	<i>Congestive heart failure</i>	320
A97.1	<i>Dengue with warning signs</i>	320

Kod ICD10	Keterangan	Jumlah
J18.9	<i>Pneumonia, unspecified</i>	1098
I20.0	<i>Unstable angina</i>	676
I25.1	<i>Atherosclerotic heart disease</i>	566
O70.0	<i>First degree perineal laceration during delivery</i>	519
I21.4	<i>Acute subendocardial myocardial infarction</i>	515
A97.1	<i>Dengue with warning signs</i>	492
P59.9	<i>Neonatal jaundice, unspecified</i>	481
I50.0	<i>Congestive heart failure</i>	424
O68.9	<i>Labour and delivery complicated by fetal stress, unspecified</i>	386
N18.5	<i>Chronic kidney disease, stage 5</i>	373

Kod ICD10	Keterangan	Jumlah
U07.1	<i>COVID-19, virus identified</i>	1,118
I20.0	<i>Unstable angina</i>	617
J18.9	<i>Pneumonia, unspecified</i>	576
O70.0	<i>First degree perineal laceration during delivery</i>	534
P59.9	<i>Neonatal jaundice, unspecified</i>	420
I25.1	<i>Atherosclerotic heart disease</i>	413
I21.4	<i>Acute subendocardial myocardial infarction</i>	410
I50.0	<i>Congestive heart failure</i>	393
O68.9	<i>Labour and delivery complicated by fetal stress, unspecified</i>	369
O80.0	<i>Spontaneous vertex delivery</i>	321

Jadual 9: Laporan punca utama kemasukan Pesakit Dalam mengikut penyakit tahun 2024.

Jadual 9 menunjukkan sepuluh (10) punca utama kemasukan pesakit ke Hospital Canselor Tuanku Muhriz pada tahun 2024 berdasarkan *International Statistical Classification of Disease 10th Revision (ICD 10)*. Pada tahun 2024, *Pneumonia (unspecified)* menjadi punca utama kemasukan pesakit ke Hospital Canselor Tuanku Muhriz diikuti *Unstable angina*.

Jadual 10 : Laporan punca utama kemasukan Pesakit Dalam mengikut penyakit tahun 2023.

Jadual 10 menunjukkan sepuluh (10) punca utama kemasukan pesakit ke Hospital Canselor Tuanku Muhriz pada tahun 2023 berdasarkan *International Statistical Classification of Disease 10th Revision (ICD 10)*. Pada tahun 2023, *Pneumonia (unspecified)* menjadi punca utama kemasukan pesakit ke Hospital Canselor Tuanku Muhriz diikuti *Unstable angina*.


Jadual 11: Laporan punca utama kemasukan Pesakit Dalam mengikut penyakit tahun 2022.

Jadual 11 menunjukkan sepuluh (10) sebab utama kemasukan pesakit ke Hospital Canselor Tuanku Muhriz pada tahun 2022 berdasarkan *International Statistical Classification of Disease 10th Revision (ICD 10)*. Pada tahun 2022, "*COVID-19, virus identified*" menjadi punca utama kemasukan pesakit ke Hospital Canselor Tuanku Muhriz diikuti *Unstable angina*.

Klinik
Staff



KLINIK



PENYAKIT LANGKA
BERGALAKA
BERHAIR, BATUK,
SALIVAMA DI
PILA PANG
PANTUP KULU





BAB 1

HCTM Mengungguli Kecemerlangan Dalam Perkhidmatan



Sepanjang 2024, Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) telah melakar pelbagai pencapaian cemerlang dalam penyampaian perkhidmatan perubatan bertaraf kebangsaan dan antarabangsa. Pengiktirafan, pensijilan serta kejayaan warga kerja HCTM di pelbagai peringkat menjadi bukti komitmen HCTM terhadap kecemerlangan klinikal, akademik dan pengurusan.

Anugerah Penyelidikan dan Inovasi

Dr. Zairul Azwan Mohd Azman (Jabatan Surgeri) dan **Puan Nurhidayu Ramli** (Jabatan Perkhidmatan Pemulihan Perubatan) telah memenangi 'Gold Award' dalam 'Invention, Innovation & Design Exposition' IIDEX 2024 anjuran Universiti Teknologi Mara (UiTM) melalui projek 'Colorectal Cancer Survivor Exercise Kit'.



Dr. Birinder Kaur A/P Sadu Singh (Jabatan Farmasi) telah menerima beberapa anugerah dalam pembentangan persidangan seperti berikut:

- **1st Prize Best Oral Presentation Award** bagi kajian bertajuk *Tackling PEW-Associated Muscle Wasting In Patients On Haemodialysis: Going Beyond The Basics With Intradialytic Parenteral Nutrition* pada 7-10 November 2024 dalam persidangan 'The 24th Congress of Parenteral and Enteral Nutrition Society of Asia' (PENSA) di Kuala Lumpur.
- **College of Ophthalmology Excellent Award** for Ophthalmology Research and Publication untuk kajian bertajuk 'Randomized Clinical Trial of Topical Insulin Versus Artificial Tears for Healing Rates of Iatrogenic Corneal Epithelial Defects Induced During Vitreoretinal Surgery in Diabetics'.



Encik Shahrol Iza Suid Albana (Jabatan Multimedia & Penyiaran) telah menerima Pingat Gangsa bagi Anugerah Penulisan Sains Sosial sempena Majlis Anugerah Pentadbir Gemilang, Universiti Awam Malaysia 2024.



Jabatan Farmasi, HCTM telah merangkul tempat pertama dalam *Health FIN-Novation Policy Challenge* dan juga MPS-YPC Malaysia *Innovative Healthcare Symposium 2024*. Program ini dianjurkan oleh Malaysia *Pharmacist Society - Young Pharmacist Chapter* bertempat di Taylor's University Malaysia yang telah diadakan pada 10 November 2024.



Kumpulan Rehabtive, Jabatan Perkhidmatan Pemulihan Perubatan, HCTM telah merangkul Anugerah Emas dalam 49th *International Convention On Quality Control Circle (ICQCC) 2024* yang telah berlangsung pada 11 hingga 13 November 2024 di Sri Lanka. Projek yang dihasilkan adalah berkaitan penghasilan *Su-Pro Advance* yang membantu mengatasi kesukaran mengawal pergerakan tangan Pronasi dan Supinasi bagi pesakit strok.




Teknologi Perkhidmatan dan Inovasi Klinikal

Prof. Madya Dato' Dr. Badrul Akmal Badrul Hisham Md. Yusoff daripada Jabatan Ortopedik dan Traumatologi telah berjaya mencipta inovasi graf tahan lasak yang dikenali sebagai **Modified UKM Internal Bracing (MUIB)** yang digunakan bagi penggantian ligamen krusiat anterior (ACL) akibat kecederaan aktiviti lasak termasuk sukan. Inovasi ini telah dipatenkan dan dikomersialkan.



Jabatan Otorinolaringologi telah berjaya mencipta **Model Pattern Sex-Based Double Bend Needle (SB-DBN)** dan **Model Simulated Peritonsillar Abscess**




Pensijilan, Pengiktirafan dan Akreditasi

Pensijilan

HCTM telah berjaya mengekalkan pensijilan dan akreditasi berikut pada tahun 2024 :

1. Akreditasi Malaysian Society for Quality in Health (MSQH)
2. Pensijilan MS ISO 9001: 2015 SPK HCTM (Audit Pengawasan 2023)
3. Pensijilan MS ISO 15189 Jabatan Perkhidmatan Makmal Diagnostik
4. Audit Pensijilan Amalan Persekitaran Berkualiti (QE/5S)



HCTM juga telah menerima pensijilan sebagai Pusat Strok Lanjutan oleh Pertubuhan Stroke Sedunia (*World Stroke Organization, WSO*) pada 22 Ogos 2024. HCTM merupakan 3 hospital pertama di rantau ASEAN yang diiktiraf oleh WSO. Pensijilan ini mengiktiraf kepakaran komprehensif yang dimiliki HCTM dalam memberikan rawatan strok bertaraf dunia dan holistik.



HCTM merupakan **3 hospital pertama** di rantau **ASEAN** yang diiktiraf oleh **WSO.** "

Anugerah Bitara UKM 2024

Pada tahun 2024, HCTM telah memenangi 4 kategori bagi Anugerah Bitara UKM. Kategori dan pemenang adalah seperti berikut:

Anugerah Bitara Prakarasa



(Kategori Pusat Tanggungjawab)
Unit Kardiologi, HCTM

Anugerah Bitara Keterlibatan Industri & Masyarakat



(Kategori Masyarakat Bukan Akademik)
Encik Ahmad Zamri Noordin
Jabatan Khidmat Pelanggan, HCTM

Anugerah Bitara Pendanaan

Anugerah Bitara Media Massa



(Kategori Kumpulan)
Jabatan Kewangan, HCTM



(Kategori Bukan Akademik)
Puan Sherin Sokmum
Jabatan Perkhidmatan Pemulihan Perubatan, HCTM

Pengiktirafan Kursus Profesional

Beberapa orang kakitangan Hospital Canselor Tuanku Muhriz telah berjaya mendapat pengiktirafan melalui kursus profesional yang dihadiri seperti berikut :




- ▶ **Muhamad Khairi Khalis**
Jabatan Pengurusan Fasilitas Bersepadu
 - Program Talent Management For Excellence (TAME)
 - 29/07/2023 - 12/05/2024
 - Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi.



- ▶ **Siti Maswani Mohammed**
Jabatan Sumber Manusia
 - Program Talent Management For Excellence (TAME)
 - 29/07/2023 - 12/05/2024
 - Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi.




- ▶ **Mary Julia A/P Savarimuthu**
Jabatan Perkhidmatan Kejururawatan
 - Program Talent Management For Excellence (TAME)
 - 29/07/2023 - 12/05/2024
 - Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi.



- ▶ **Norrul Izuhan Shafri**
Jabatan Sumber Manusia
- Certified Human Resources Management (CHRM)
 - 04/05/2024 - 21/09/2025
 - ILD, UiTM



- ▶ **Fazleen Emiza Khairul Ikram**
Jabatan Maklumat Kesihatan
- Certified Profesional Coach (CPC)
 - 05/08/2024 - 06/08/2025
 - Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)



- ▶ **Nazwin Azmira Nafikudin**
Pejabat Pengarah
- Certified Profesional Coach (CPC)
 - 05/08/2024 - 06/08/2025
 - Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)

Penerbitan Akademik

Sepanjang tahun 2024, HCTM telah merekodkan 30 penerbitan dalam jurnal terindeks oleh kakitangan hospital sebagai pengarang utama, mencerminkan komitmen tinggi warga kerja HCTM terhadap penyelidikan klinikal dan akademik yang berkualiti. Penerbitan ini melibatkan pelbagai bidang kepakaran termasuk perubatan, pembedahan, patologi, oftalmologi, kejururawatan dan farmasi, serta diterbitkan dalam jurnal berprestij seperti *Respirology*, *Journal of the American College of Cardiology*, *British Journal of Surgery* dan *PLoS ONE*. Penerbitan ini bukan sahaja meningkatkan keterlihatan akademik HCTM di peringkat global, malah mengukuh reputasi sebagai hospital pengajar yang unggul dalam bidang penyelidikan perubatan.

HCTM telah merekodkan 30 penerbitan dalam jurnal terindeks oleh kakitangan hospital sebagai pengarang utama, mencerminkan komitmen tinggi warga kerja HCTM terhadap penyelidikan klinikal dan akademik yang berkualiti."

Pencapaian Sukan

Jabatan Farmasi HCTM telah menjadi Johan pada pertandingan Bola Jaring untuk Fiesta Sukan Penolong Pembantu Farmasi (FESPA) 2024 yang telah diadakan pada 07 September 2024 bertempat di Gelanggang Bola Jaring, Taman Pancarona Putrajaya.



Beberapa orang kakitangan HCTM telah terpilih dan menyertai sukan mewakili UKM di Peringkat Kebangsaan :

Prof. Madya Dr. Syed Nabil Syed Omar (Jabatan Bedah Mulut & Maksilofasial), Encik Mohd Fadzri Sulaiman (Jabatan Sumber Manusia) dan Encik Shahrul Nazli Ismail (Jabatan Kewangan) telah menyertai sukan bolasepak di Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM) 2024 peringkat kebangsaan bertempat di Universiti Malaysia Sabah (UMS).



Puan Norsyakina Zahari (Jabatan Sumber Manusia) telah menyertai Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM) 2024 kali ke 45 yang telah diadakan di Universiti Malaysia Sabah yang bermula 8-16 Ogos 2024. Beliau telah bertanding dalam acara Rejam Leming Wanita Senior dan telah berjaya mendapatkan pingat gangsa dalam pertandingan tersebut.





BAB 2

HCTM Merintis Jaringan Industri dan Komuniti Inklusif





Program Jangkauan Masyarakat

Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) telah melaksanakan Program Jangkauan Kesihatan bermula pada tahun 2021. Program ini merupakan program jangkau luar (*outreach*) yang meliputi perkhidmatan klinik bergerak, saringan kesihatan dan pendidikan kesihatan. Melalui program ini, rawatan asas dan pemeriksaan percuma disediakan khususnya untuk golongan rentan bandar bagi memperkasakan penjagaan kesihatan dan kesejahteraan rakyat.

Bagi memperkukuh pelaksanaan inisiatif ini, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah mengeluarkan Garis Panduan Pelaksanaan Program Jangkauan Kesihatan oleh Fasiliti Kesihatan dan Perubatan di bawah Bahagian Governan IPTA pada 30 September 2024. Garis panduan baharu ini menggantikan garis panduan terdahulu dengan penekanan kepada penambahbaikan terhadap pelaksanaan program dan perbelanjaan secara komprehensif. Dengan penglibatan aktif Pakar Perubatan serta sokongan klinikal dan pentadbiran, program ini telah memberi impak signifikan kepada masyarakat, industri dan UKM.

Pelbagai aktiviti jangkauan kesihatan telah dilaksanakan sepanjang tahun 2024. Program-program ini meliputi pemeriksaan kesihatan percuma, program berkhata beramai-ramai (Sunathon), ziarah kasih, promosi kesihatan serta pencegahan penyakit. Inisiatif ini memberi manfaat kepada golongan yang memerlukan terutama golongan B40 (rentan bandar dan luar bandar), Orang Kelainan Upaya (OKU), warga emas, kanak-kanak, wanita, orang asli, gelandangan dan komuniti pedalaman.

Sepanjang tahun 2024, HCTM telah menganjurkan sebanyak 27 program dengan anggaran 3,580 penerima manfaat. Program ini turut mendapat kerjasama daripada Pusat Tanggungjawab di UKM, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), syarikat serta agensi kerajaan. Inisiatif ini mencerminkan komitmen HCTM dalam memperkasa kesihatan masyarakat dengan menyediakan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti secara percuma melalui kepakaran sedia ada.



Sepanjang tahun 2024, HCTM telah menganjurkan sebanyak 27 program dengan anggaran 3,580 penerima manfaat. "

Senarai Program Jangkauan Kesihatan HCTM 2024

Pendidikan & Literasi Kesihatan ▼

Bil.	Program	Tempat	Tarikh
1.	Program SLIMPOSSIBLE MOHE 2.0 (Sesi 1)	Dewan Za'ba, KPT, Putrajaya.	7 Februari 2024
2.	Program SLIMPOSSIBLE MOHE 2.0 (Sesi 2)	Dewan Za'ba, KPT, Putrajaya.	6 Mei 2024
3.	Program Literasi Kesihatan Mental UNIKL MFI	MJII Beranang.	11 Julai 2024
4.	Program Pemakanan Sihat	Sekolah Kebangsaan Jalan Hang Tuah 1, Kuala Lumpur.	14 Mei 2024
5.	Program Pemakanan Sihat	Sekolah Kebangsaan Wangsa Maju Seksyen 1, Kuala Lumpur	21 Mei 2024
6.	Program Kesihatan dan Motivasi Pelajar Tingkatan 1 & 2	Sekolah Menengah Bandar Tun Razak	2 Oktober 2024
7.	Sambutan Hari Kesihatan Seksual Sedunia 2024	Lobi Utama HCTM & dalam talian	4 September 2024

Saringan & Promosi Kesihatan Komuniti ▼

Bil.	Program	Tempat	Tarikh
1.	Saringan Kesihatan bersempena Majlis Perasmian Hari Kesedaran Kanser	Hospital Canselor Tuanku Muhriz	4 April 2024
2.	Inisiatif Komuniti Bandaraya Bebas Asap Rokok (IKBAR)	Dewan Za'ba, KPT, Putrajaya.	12-13 September 2024
3.	Program Inspirasi Malaysia (I'M)	Taman Ilham, Kluang, Johor.	11 Julai 2024
4.	Program Karnival Kesihatan & Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS)	Surau Nurul As-Sakinah, Taman Lembah Bujang.	25 Mei 2024
5.	Inisiatif Komuniti Bebas Asap Rokok	PPR Beringin, Jinjang Utara, Kuala Lumpur.	21 Mei 2024
6.	Program Komuniti Larangan Pembakaran Terbuka Anjuran JAS	Pusat Komuniti Seri Petaling, Kuala Lumpur.	5 Oktober 2024
7.	Program Khidmat Masyarakat 'Mari Berjumpa Pakar Kesihatan	Dewan Komuniti Bestari, Mukim Lekir, Batu 10, Sitiawan, Perak.	18-19 Oktober 2024
8.	Festival Idea of Putrajaya	Dewan Putra B, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)	27-29 November 2024

Outreach & Jangkauan Masyarakat ▼

Bil.	Program	Tempat	Tarikh
1.	Inisiatif untuk Keluarga yang Sihat (IKMAS)	Pos Tenau, Slim River, Perak.	7-9 Jun 2024
2.	Inisiatif untuk Keluarga yang Sihat (IKMAS)	Kg. Changkat Sulaiman, Sungkai, Perak.	21-22 Jun 2024
3.	Inisiatif untuk Keluarga yang Sihat (IKMAS)	Behrang Stesen, Tanjung Malim, Perak.	2-14 Julai 2024
4.	Program Outreach Komuniti Bandar Kuala Kubu Bharu	Taman Juta, Kuala Kubu Bharu.	4 Mei 2024
5.	Program Outreach KPT@Pulau Pinang (Perkhidmatan Klinik Bergerak & Ziarah Kasih)	Kg. Permatang Ara, Sungai Bakap, Pulau Pinang.	2 Julai 2024
6.	Program Inisiatif Komuniti Malaysia MADANI Sihat	Kampung Orang Asli Pos Tenau, Slim River, Perak.	27-28 Julai 2024



Outreach & Jangkauan Masyarakat ▼

Bil.	Program	Tempat	Tarikh
7.	Program Inisiatif Komuniti Malaysia MADANI Sihat	Dewan Semai Bakti, Felda Gunung Besout, Perak.	4 Ogos 2024
8.	KPT Prihatin MADANI	Felda Gedangsa, Kuala Kubu Bharu, Selangor.	31 Ogos 2024
9.	Program Kemasyarakatan Jangkauan Luar Pasukan Sokongan Barah Payudara (TEMAN)	Dewan Seminar, Pusat Latihan & Kemudahan PPP-UKM, Tanjung Karang, Kuala Selangor.	27–29 September 2024

Program Khatan & Kesihatan Kanak-Kanak ▼

Bil.	Program	Tempat	Tarikh
1.	Program Khatan Beramai-ramai (SUNATHON)	Dewan Za'ba, KPT, Putrajaya.	22 Februari 2024
2.	Program Berkhatan Beramai-ramai (SUNATHON) PDRM Bukit Aman	PDRM Bukit Aman, Masjid Bukit Aman, Kuala Lumpur.	15 September 2024
3.	Program Berkhatan Beramai-ramai (SUNATHON) HCTM 2024	Lobi Utama HCTM	11 Julai 2024



Jaringan Industri dan Kemasyarakatan


Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) terus komited dalam mengukuhkan rangkaian kerjasama dalam bidang penyelidikan, latihan dan pendidikan tinggi melalui pemeteraian Memorandum Perjanjian (MoA), Memorandum Persefahaman (MoU) dan Surat Hasrat (LoI) pada tahun 2024 bersama pihak industri, agensi kerajaan, NGO dan lain-lain. Melalui Pakar Perunding HCTM yang juga kebanyakannya tenaga akademik Fakulti Perubatan UKM, sebanyak 17 dokumen kerjasama telah dimeterai seperti dalam Jadual 12.

Bil.	Nama Dokumen	Pusat Tanggungjawab / Penyelaras	Peranan	Tempoh
1	Memorandum Perjanjian Penyelidikan Antara UKM dan HSC Medical Centre (KL) Sdn. Bhd.	Jabatan Ortopedik & Traumatologi (Prof. Datuk Dr. Sabarul Afian Mokhtar)	Penilaian SpinoPelvic Sagittal dalam populasi Malaysia menggunakan sistem pengimejan EOS	1 Jan 2024 – 31 Dis 2025
2	Memorandum Persefahaman Antara UKM dan Revon Media Sdn. Bhd.	Jabatan Otorinolarologi (Dr. Hardip Singh Gendeh)	Kerjasama akademik dan penyelidikan	2 Jul 2024 – 2 Jun 2027
3	Memorandum Persefahaman Antara UKM dan Jeil Pharmaceutical Co. Ltd.	Jabatan Perubatan (Prof. Dr. Abdul Halim Abdul Gafor)	Kerjasama akademik dan penyelidikan	3 Jul 2024 – 3 Jun 2029
4	Memorandum Perjanjian Penyelidikan Antara UKM dan Parexel International (Malaysia) Sdn. Bhd	Jabatan Onkologi (Prof. Dato' Dr. Fuad Ismail)	Kerjasama akademik dan penyelidikan	1 Apr 2024 – 10 Mac 2025
5	Memorandum Persefahaman Antara UKM dan Malaysian Relief Agency (MRA)	Jabatan Perubatan Keluarga (Prof. Madya Dr. Mohd Fairuz Ali)	Kerjasama akademik, penyelidikan dan latihan	4 Mei 2024 – 4 Apr 2029
6	Memorandum Perjanjian Latihan Antarabangsa Antara UKM dan American Heart Association (AHA)	Jabatan Perubatan Kecemasan (Prof. Dr. Ismail Mohd. Saiboon)	Pusat Latihan AHA di Malaysia, kerjasama penyelidikan, akademik & promosi kesihatan	3 Jun 2024 – 3 Jun 2027
7	Memorandum Perjanjian Antara UKM dan Universitas Padjadjaran (Indonesia)	Jabatan Obstetrik & Ginekologi (Prof. Madya Dr. Ixora Kamisan @ Atan)	Program Doktor Pakar Obstetrik & Ginekologi	6 Jun 2024 – 31 Feb 2029
8	Memorandum Perjanjian Penyelidikan Antara UKM dan HSC Medical Centre (KL) Sdn. Bhd.	Jabatan Ortopedik & Traumatologi (Prof. Datuk Dr. Sabarul Afian Mokhtar)	Kerjasama akademik dan penyelidikan "Weight Bearing Magnetic Resonance Imaging In Patients With Low Back Pain"	15 Jan 2024 – 14 Jan 2025
9	Memorandum Perjanjian Penyelidikan Antara UKM dan Iovia RDS Malaysia Sdn. Bhd.	Jabatan Perubatan (Prof. Madya Dr. Rozita Mohd)	Kerjasama akademik, penyelidikan dan latihan	1 Apr 2024 – 3 Jun 2028
10	Memorandum Persefahaman Antara UKM dan Malaysian Medical Relief Society (Mercy)	Jabatan Ortopedik & Traumatologi (Prof. Dr. Shalimar Abdullah)	Kerjasama dalam pembekalan ubat & barang pakai habis semasa bencana	1 Ogos 2024 – 31 Jul 2029
11	Surat Hasrat Antara UKM dan Baylor College Of Medicine	Jabatan Psikiatri (Prof. Madya Dr. Wan Salwina Wan Ismail)	Kerjasama akademik dan penyelidikan	7 Ogos 2024
12	Memorandum Perjanjian Penyelidikan Antara UKM dan Novo Nordisk Pharma (Malaysia) Sdn. Bhd.	Jabatan Perubatan (Prof. Madya Dr. Hamat Hamdi Che Hassan)	Kerjasama akademik dan penyelidikan	8 Mei 2024 – 7 Jun 2026

Bil.	Nama Dokumen	Pusat Tanggungjawab / Penyelaras	Peranan	Tempoh
13	Memorandum Perjanjian Penyelidikan Antara UKM dan Isolab Sdn. Bhd.	Jabatan Obstetrik & Ginekologi (Prof. Madya Dr. Abdul Kadir Abdul Karim)	Kerjasama akademik dan penyelidikan "Correlation Between Anti Mullerian Hormone Assay Method And Antral Follicle Count"	22 Feb 2024 – 21 Feb 2025
14	Perjanjian Antara UKM dan Yayasan Azman Hashim	Jabatan Otorinolaringologi (Prof. Dr. Marina Mat Baki)	Penaiktarafan Klinik Otorinolaringologi, HCTM	16 Ogos 2024 – 31 Dis 2030
15	Memorandum Perjanjian Antara UKM dan Akademi Perubatan Malaysia	Jabatan Perubatan Kecemasan (Lt. Kol. Bersekutu (PA) Prof. Madya Dr. Mohd Hisham Mohd Isa)	Pusat Latihan Antarabangsa untuk American Heart Association (AHA)	6 Mac 2024 – 6 Mac 2027
16	Memorandum Perjanjian Antara UKM dan Institut Jantung Negara Sdn. Bhd.	Jabatan Perubatan Kecemasan (Lt. Kol. Bersekutu (PA) Prof. Madya Dr. Mohd Hisham Mohd Isa)	Pusat Latihan Antarabangsa AHA	14 Apr 2024 – 6 Mac 2027
17	Memorandum Persefahaman Antara UKM dan Mercu Makmur Sdn. Bhd.	Jabatan Pembangunan Prasarana (Encik Mohd Fahmeey Hashim)	Penggunaan tenaga secara efisien	6 Dis 2024 – 5 Dis 2026

Jadual 12: Senarai Dokumen Kerjasama Strategik HCTM Tahun 2024

Peratusan Perjanjian Tahun 2024



Rajah 7: Peratusan dokumen perjanjian yang dimeterai bagi tahun 2024

Kerjasama Dengan Universiti Dan Institusi Akademik Luar

Sejak tahun 2008, Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) telah menjalinkan kerjasama dengan American Heart Association (AHA) dan telah dilantik sebagai Pusat Latihan Antarabangsa AHA di Asia Tenggara. HCTM menawarkan enam (6) kursus melalui kolaborasi ini seperti berikut :

- ▶ Basic Life Support (BLS)
- ▶ Advanced Cardiovascular Life Support (ACLS)
- ▶ Paediatric Advanced Life Support (PALS)
- ▶ BLS Instructor
- ▶ ACLS Instructor
- ▶ PALS Instructor

Melalui pentauliahan ini HCTM telah menerima kerjasama dan permohonan latihan daripada pelbagai agensi luar antaranya adalah:



Bil.	Kursus	Bilangan Kursus	Jumlah Peserta
1.	Basic Life Support (Provider & Instructor)	21	224
2.	Pediatric Advanced Life Support (Provider & Instructor)	6	119
3.	Advanced Cardiovascular Life Support (Provider & Instructor)	16	299
		43	642





Hubungan Hospital dengan Rakan Kongsi

Sejak tahun 1999, Hospital Canselor Tuanku Muhriz telah menjalin hubungan rakan kongsi bersama Rumah Ronald McDonald yang merupakan rumah pengantara yang pertama di Asia dan terletak di kawasan Hospital. Tujuan rumah ini dibina adalah untuk mendekatkan pesakit kepada keluarga sepanjang tempoh rawatan di hospital. Rumah ini khusus untuk keluarga yang tinggal jauh dari Lembah Klang dan memenuhi kriteria berikut :

- Mempunyai anak berumur 18 tahun ke bawah
- Anak menerima rawatan di Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani, Hospital Pakar Kanak-Kanak UKM atau Hospital Canselor Tuanku Muhriz UKM.

Rumah Ronald McDonald mempunyai 19 bilik penginapan dan menyediakan pelbagai kemudahan seperti dapur, dobi, ruang makan, surau, ruang komputer, televisyen, bilik permainan, taman, mini gym, serta perpustakaan. Sejak penubuhannya, rumah ini telah membantu lebih daripada 5,000 keluarga dengan bayaran harian serendah RM10.00. Keluarga yang kurang berkemampuan diberikan pengecualian bayaran.



Kerjasama strategik antara Hospital Canselor Tuanku Muhriz dan Rumah Ronald McDonald memperlihatkan komitmen berterusan institusi pendidikan tinggi dalam menyokong kebajikan komuniti, khususnya keluarga pesakit yang memerlukan penempatan sementara berhampiran hospital. Bagi memastikan kelangsungan dan keberkesanan perkhidmatan yang disediakan, pihak UKM telah menyalurkan pelbagai bentuk sumbangan secara konsisten merangkumi aspek sumber manusia, utiliti, kebersihan serta penyelenggaraan fasiliti.


Dari segi sokongan sumber manusia, HCTM menyediakan dua (2) orang Pembantu Perawatan Kesihatan bagi membantu pengurusan dan kebajikan penghuni, di samping menempatkan petugas kebersihan untuk memastikan persekitaran sentiasa berada dalam keadaan bersih dan kondusif. Sumbangan ini secara langsung menyumbang kepada peningkatan kualiti perkhidmatan dan kesejahteraan penghuni.

Selain itu, HCTM turut menanggung kos utiliti asas yang merangkumi bil elektrik, bil air, bil telefon serta kemudahan capaian internet (WiFi). Penyediaan kemudahan ini adalah signifikan dalam menjamin keselesaan penghuni serta menyokong keperluan komunikasi dan urusan harian mereka sepanjang tempoh menetap di Rumah Ronald McDonald. Dalam aspek penyelenggaraan dan kebersihan, HCTM melaksanakan pembersihan kawasan taman serta pembersihan berkala bangunan seperti kerja kerja buffing lantai, mencuci sawang dan mencuci kipas.

Di samping itu, penyelenggaraan dan pembaikan fasiliti turut dilaksanakan secara berkala termasuk servis penyaman udara, servis lif serta penyelenggaraan sistem keselamatan kebakaran.

Langkah-langkah ini adalah penting bagi memastikan premis sentiasa berada dalam keadaan selamat, berfungsi dengan baik dan memenuhi piawaian keselamatan yang ditetapkan. Secara keseluruhannya, kerjasama ini mencerminkan tanggungjawab sosial korporat HCTM dalam memperkukuh jaringan sokongan komuniti serta memastikan perkhidmatan Rumah Ronald McDonald dapat diteruskan secara mampan dan berkesan.

Pada tahun 2024, jumlah kemasukan pesakit ke Rumah Ronald McDonald adalah sebanyak 964 kemasukan dan pecahan bulanan adalah seperti dalam Rajah 8.



Rajah 8: Data kemasukan pesakit ke Rumah Ronald McDonald pada tahun 2024





HOSPITAL CANCELOR TUANKU MUHRIZ

LOBI UTAMA



LALUAN
MASUK



BAB 3

Transformasi Pembangunan Holistik



Sepanjang 2024, Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) telah melaksanakan pelbagai inisiatif pembangunan fizikal dan infrastruktur sebagai usaha berterusan untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan rawatan, menyokong pengajaran dan penyelidikan, serta memelihara kebajikan pesakit dan kakitangan. Inisiatif ini memberi tumpuan kepada penambahbaikan dan naiktaraf fasiliti pesakit, penggantian peralatan perubatan, pengurusan sistem sokongan hospital yang lebih efisien, serta mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif. Kesemua usaha ini dilaksanakan selaras dengan aspirasi HCTM untuk menjadi hospital pengajar bertaraf global yang cemerlang dari segi kualiti, teknologi dan keselesaan perkhidmatan.

Penambahbaikan Kemudahan Pesakit

1. Lobi Kemasukan dan Discaj

HCTM telah menyediakan Lobi Kemasukan dan Discaj, sebuah ruang khas yang berfungsi sebagai transit sementara bagi pesakit yang menunggu proses kemasukan ke wad atau discaj dari hospital. Terletak di Lobi Utama HCTM, Lobi Kemasukan dan Discaj ini dibangunkan dengan kos sebanyak RM378,050.00 dan dilengkapi empat (4) katil serta enam belas (16) kerusi *recliner* untuk keselesaan pesakit.

Pembinaan Lobi ini turut dilengkapi dengan Bilik Rawatan, tandas lelaki, perempuan serta tandas OKU setiap satu bagi memastikan perkhidmatan klinikal dan keselesaan kepada pengguna. Kaunter kakitangan turut dibina termasuk Kabinet Fail Dinding berkunci bagi penyimpanan rekod dan dokumen berkaitan dengan perkhidmatan operasi Lobi Kemasukan dan Discaj dapat disimpan rapi dan selamat.

Bagi memastikan tahap pencahayaan yang baik di Lobi ini, set lampu *downlight* LED 18W dan set lampu *chandelier* jenis LED telah dipasang mengikut piawaian pencahayaan yang telah ditetapkan. Tahap pencahayaan ini adalah untuk memastikan pesakit warga emas tidak menghadapi masalah silau ketika berada di dalam Lobi Kemasukan dan Discaj. Lengkapan Lampu Kecemasan jenis LED (*Recess Emergency Light*) *Super Brightwhite* LED juga dipasang mengikut piawaian yang ditetapkan oleh SIRIM/ Bomba.

Selain daripada itu, kerja pembinaan Lobi Kemasukan dan Discaj ini juga melibatkan pemasangan beberapa unit penghawa dingin yang baharu bertujuan memastikan pesakit dalam keadaan yang selesa. Lobi Kemasukan dan Discaj ini beroperasi dari Isnin hingga Jumaat, bermula jam 7.00 pagi hingga 9.00 malam.

Lobi Kemasukan dan Discaj ini dibangunkan dengan kos sebanyak **RM378,050.00** dan dilengkapi empat katil serta enam belas kerusi *recliner* untuk **keselesaan pesakit.**




2. Klinik Virtual

Klinik Virtual HCTM diperkenalkan sebagai alternatif kepada perkhidmatan pesakit luar sedia ada di hospital untuk memudahkan pelanggan mendapatkan perkhidmatan kesihatan. Klinik ini menawarkan khidmat nasihat perubatan, pendidikan kesihatan dan pelan rawatan kepada pesakit yang dipilih mengikut skop perkhidmatan tertentu. Interaksi secara langsung antara Pegawai Perubatan dan pesakit adalah melalui platform digital di mana pesakit perlu mempunyai kemudahan komunikasi yang mencukupi serta memberikan persetujuan bertulis. Inisiatif ini meningkatkan akses kepada perkhidmatan perubatan, terutamanya bagi pesakit kronik dan mereka yang mempunyai kekangan fizikal.

Pembinaan Klinik Virtual dengan kos sebanyak RM411,302.00 telah dilaksanakan, melibatkan penyediaan lima (5) Bilik Klinik Virtual untuk memastikan sesi perawatan dapat dijalankan dengan segera tanpa mengira bidang kepakaran. Selain itu, sebuah Bilik Konferens turut dibangunkan sebagai ruang perbincangan dalaman bagi petugas klinikal.

Klinik Virtual HCTM diperkenalkan sebagai alternatif kepada perkhidmatan pesakit luar sedia ada di hospital untuk memudahkan pelanggan mendapatkan perkhidmatan kesihatan."



Penambahbaikan Kemudahan Kakitangan

1. SUKMARIA

Sukmaria merupakan antara kemudahan yang disediakan untuk kakitangan HCTM. Antara ruang yang terdapat di SUKMARIA terdiri daripada Bilik Mesyuarat, Ruang Menunggu, Ruang Makan, Bilik Gimnasium Lelaki dan Wanita. Pengurusan HCTM telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM549,914.00 bagi pelaksanaan kerja ubahsuai dan naiktaraf infrastruktur dan kemudahan di SUKMARIA.

Kerja-kerja naik taraf ini meliputi penggantian kemas lantai *laminat* dan karpet baharu, pembinaan siling lepa baharu serta mengecat semula dinding bagi mewujudkan suasana yang lebih ceria. Sebanyak empat (4) unit *workstation* serta sebuah kaunter baharu turut disediakan bagi memastikan kakitangan dapat melaksanakan tugas harian dengan lebih selesa.

Pengurusan HCTM telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM549,914.00 bagi pelaksanaan kerja ubahsuai dan naiktaraf infrastruktur dan kemudahan di Sukmaria. "

Selain itu, sistem pengudaraan SUKMARIA turut dipertingkatkan melalui penggantian unit penghawa dingin baharu bagi menggantikan peralatan lama yang usang. Penggantian penghawa dingin yang baharu ini turut melibatkan pelaksanaan kerja-kerja lain yang berkaitan seperti kerja-kerja penggantian sesalur udara, pemasangan *exhaust fan* serta kerja *air balancing* bagi memastikan pengudaraan di SUKMARIA dalam kondisi yang normal dan selesa.

Pemasangan lampu baharu jenis T8 LED *Tubelight* di ruang SUKMARIA memberikan pencahayaan yang lebih terang dan jelas dengan penggunaan tenaga elektrik yang lebih efisien. Penggunaan lampu ini bukan sahaja menyumbang kepada penjimatan kos elektrik di HCTM, malah membantu mengekalkan suhu persekitaran yang lebih sejuk dan selesa.

Penggantian beberapa peralatan di Bilik Gimnasium juga dilaksanakan bagi menjamin tahap keselamatan dan meningkatkan keselesaan kakitangan semasa menjalankan aktiviti riadah.



2. Kafeteria Lobi Pelawat

Kafeteria Lobi Pelawat merupakan antara fasiliti yang kerap dikunjungi samada pesakit, waris dan juga kakitangan HCTM. Bagi memastikan keselesaan dapat dinikmati oleh pengunjung, Pengurusan HCTM telah memperuntukan kos sebanyak RM854,330.00 dalam melaksanakan kerja ubahsuai dan naiktaraf Kafe Lobi Pelawat.

Naik taraf yang dilaksanakan merangkumi penggantian jubin baharu pada dinding dan lantai, sekali gus mewujudkan suasana yang lebih bersih, moden dan kondusif. Selain itu, kemudahan kafe turut dipertingkatkan dengan pembinaan enam (6) gerai makanan, lima (5) gerai kuih-muih dan pencuci mulut serta sebuah (1) kedai minuman, yang menyediakan kepelbagaian pilihan makanan kepada pelawat. Setiap gerai jualan makanan dilengkapi dengan fasiliti dapur memasak individu yang selamat mengikut piawaian yang telah ditetapkan.

Pembinaan ruang mencuci secara berpusat juga dibina bagi memastikan kerja-kerja pencucian peralatan adalah cekap dan efektif. Sistem pengudaraan dan pencahayaan dipertingkatkan melalui pemasangan unit penghawa dingin dan lampu yang baharu serta pemasangan kipas dinding bagi memastikan aliran udara yang baik kepada pengunjung dan mengelakkan ketidakselesaan terutamanya ketika waktu puncak.



3. Ruang Arkib HCTM

Ruang Arkib HCTM di Aras 3, Blok Asrama Jururawat, dibangunkan untuk menyimpan rekod kekal semua Pusat Tanggungjawab (PTj) mengikut garis panduan Jabatan Arkib Negara. Ia juga bertujuan bagi memudahkan simpanan rekod penting yang akan disimpan kekal dan tidak akan dilupuskan terutama rekod berkaitan perundangan dan sejarah. Ruang ini terdiri daripada lima (5) bilik fail simpan kekal, ruang rujukan dan ruang simpanan sementara rekod yang telah dibuat pemisahan bagi tujuan pelupusan. Ia dibina dengan ciri bilik rekod berdasarkan Garis Panduan Rekod Awam, Jabatan Arkib Negara bagi memastikan rekod dipelihara dengan baik dan selamat.

Kerja-kerja ubah suai dan naik taraf Ruang Arkib HCTM telah dilaksanakan dengan kos sebanyak RM180,100.00, merangkumi pembinaan dinding baharu, pembaikan lantai dan siling sedia ada serta kemasan cat menggunakan kaedah *skim coating* bagi memastikan kemasan cat pada permukaan dinding mengikut piawaian yang ditetapkan.

Sebanyak lima (5) bilik telah diubah suai dan dinaik taraf menjadi Bilik Simpanan Kekal yang dilengkapi sistem penghawa dingin baharu bagi memastikan dokumen terpelihara dalam keadaan baik. Ruang Mesyuarat turut ditambah baik melalui penggantian karpet serta kemasan semula perabot sedia ada. Ruang kaunter diubah suai dengan mewujudkan lobi bagi memudahkan kakitangan melakukan urusan berkaitan dengan peminjaman/penyimpanan dokumen yang berkaitan.



Ruang Arkib

Kerja-kerja ubah suai dan naik taraf Ruang Arkib HCTM telah dilaksanakan dengan kos sebanyak RM180,100.00. "

Seiring dengan itu, Sistem C-ROS (*Centralized Record Management System*) turut dibangunkan bagi memudahkan proses permohonan simpanan kekal dan pinjaman rekod secara digital yang ditempatkan di Ruang Arkib HCTM. Sistem ini meningkatkan kecekapan pengurusan rekod dan memastikan penyimpanan dokumen penting dibuat secara sistematik dan selamat.



Naik Taraf Infrastruktur Hospital

Infrastruktur fizikal hospital memainkan peranan penting dalam memastikan kelancaran operasi serta keberkesanan perkhidmatan. Ia merangkumi struktur bangunan dan kemudahan asas yang menyokong fungsi dan operasi harian.

1. Menaik taraf Sistem Bekalan Air

Kerja menaiktaraf sistem bekalan air telah dilaksanakan sebagai pelan kontigensi Hospital dalam memastikan bekalan simpanan air mencukupi dan memperbaharui infrastruktur sistem perpaipan sediaada. Projek yang siap pada tahun 2024 dengan kos pembinaan sebanyak RM3,080,000.00 ini, melibatkan pembinaan tangki simpanan air yang baharu, penggantian paip dan penggantian sistem pam. Selain itu, ujian tekanan air dijalankan bagi memastikan sistem baharu memenuhi piawaian keselamatan dan kesihatan. Tapak tangki simpanan air ini yang berkapasiti 200,000.00 galen dibina di Zon L berdekatan dengan pintu masuk utama HCTM.



Tab 3 - Transformasi Pembangunan Hospital



2. Kerja Penurapan Semula Jalan HCTM

HCTM telah melaksanakan kerja menaiktaraf dan menurap semula jalan-jalan utama dalam kawasan hospital bagi memastikan keselamatan pengguna terjamin dan meningkatkan imej hospital. Skop kerja melibatkan penurapan semula permukaan jalan dan membuat garisan jalan. Kerja naiktaraf ini melibatkan kos pelaksanaan sebanyak RM774,611.75.

Selain itu, kerja kemas melibatkan penyediaan garisan jalan baharu serta pembinaan bonggol di laluan yang telah dikenalpasti turut dilaksanakan. Pembinaan bonggol baharu adalah mengikut standard dan spesifikasi yang ditetapkan, dengan pewarnaan yang jelas bagi memastikan ia mudah dilihat serta meningkatkan keselamatan pengguna jalan raya.

Di samping itu, kerja-kerja pembersihan dan pembaikan menyeluruh terhadap *kerb* jalan serta *scupper drain* telah dilaksanakan bagi memastikan persekitaran hospital sentiasa bersih, kemas dan teratur. Pembersihan ini melibatkan pencucian permukaan menggunakan air bertekanan tinggi bagi menyingkirkan kotoran, lumut, tumbuhan liar dan lapisan cat yang sedia ada, manakala sisa buangan dilupuskan di lokasi yang ditetapkan.



Kerja naiktaraf penurapan semula permukaan jalan dan membuat garisan jalan melibatkan kos pelaksanaan sebanyak RM774,611.75."

3. Penggantian Peralatan Perubatan

Selaras dengan perkembangan teknologi dalam bidang perubatan, HCTM telah melaksanakan beberapa projek penggantian dan pembelian peralatan berteknologi tinggi. Antaranya:

Sistem Magnetic Resonance Imaging (MRI 3 Tesla) baharu yang telah dipasang di Jabatan Perkhidmatan Radiologi, membolehkan prosedur imbasan dijalankan dengan lebih pantas, tepat dan selesa.

Kos Perolehan : RM 8,962,000.00



Kerja-kerja penggantian dan pemasangan tiga (3) unit **Sistem Digital Radiography (DR)** secara berfasa telah dilaksanakan di Jabatan Perkhidmatan Radiologi bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan rawatan pesakit yang diberikan.

Kos Perolehan : RM 4,866,250.00

Pembekalan dan pemasangan pelbagai jenis **katil pesakit** baharu sebanyak 308 unit (katil manual dan katil elektrik) dapat memberikan keselesaan kepada pesakit sepanjang tempoh rawatan.

Kos Perolehan : RM 1,445,500.00



Pemasangan **meja autopsi** baharu sebanyak dua (2) unit di Unit Forensik, Jabatan Perkhidmatan Makmal Diagnostik (JPMD) telah dilaksanakan bagi meningkatkan kecekapan proses bedah siasat.

Kos Perolehan : RM 197,500.00

Pelaksanaan projek-projek pembangunan dan naiktaraf ini membuktikan komitmen HCTM dalam penyediaan perkhidmatan rawatan yang kondusif demi kesejahteraan pesakit serta warga kerja.

Inisiatif Transformasi Digital dan Sistem Maklumat Hospital

Bahagian Teknologi Maklumat, Kampus Kuala Lumpur (BTMKKL) telah diberi tanggungjawab dalam memantapkan pengurusan teknologi maklumat selaras dengan misi untuk menjadi nadi penyedia perkhidmatan teknologi maklumat terkini dan terkehadapan bagi menyokong pendidikan, perkhidmatan dan penyelidikan Kampus Kuala Lumpur yang berteknologi, berinovasi dan berinformasi.


BTMKKL sedang melengkapkan Sistem Maklumat Hospital (THIS) bagi membolehkan proses perkhidmatan dan pengurusan Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) kepada pesakit dengan lebih efisien. Fokus adalah bagi menambahkan *User & Patient Experience* dalam penggunaan THIS.

Pelaksanaan Modul *Electronic Medical Record-Standard Template*(EMR-ST) dan Sistem Farmasi

Pelaksanaan Modul *Electronic Medical Record-Standard Template* (EMR-ST) telah bermula pada Mac 2023 di semua lokasi Hospital Canselor Tuanku Muhriz secara berfasa mengikut lokasi. Pada tahun 2024, EMR-ST telah dilaksanakan di semua klinik di HCTM. Peratus penggunaan sepanjang tahun 2024 adalah seperti dalam Jadual 14. Secara keseluruhannya, terdapat peningkatan terhadap penggunaan Modul EMR-ST dan telah mencapai peratus penggunaan melebihi 95% pada Disember 2024.

Jadual 14 :Peratusan penggunaan 'Electronic Medical Record -Standard Template' (EMR-ST) di Klinik Pesakit Luar pada tahun 2024

Bulan	Peratusan
JAN	87.37%
FEB	87.17%
MAC	88.63%
APRIL	90.62%
MEI	91.34%
JUN	90.63%
JULAI	90.05%
OGOS	91.58%
SEPT	91.66%
OKT	91.96%
NOV	92.82%
DIS	95.35%




Rajah 9 : Peratusan penggunaan 'Electronic Medical Record -Standard Template' (EMR-ST) di Klinik Pesakit Luar pada tahun 2024

Manakala untuk Sistem Farmasi, peratus penggunaan adalah seperti dalam Jadual 15. Penggunaan preskripsi ubat di Sistem Farmasi telah mencapai penggunaan 100% pada Disember 2024. Pelaksanaan Pilot Sistem Farmasi bermula pada Februari dan Mac 2024 di Klinik Ortopedik, Klinik Surgery dan Klinik Primer HCTM dan mula digunakan disemua lokasi Klinik Pesakit Luar bermula April 2024.

Jadual 15 : Peratus penggunaan Sistem Farmasi (Preskripsi Ubat) di Klinik Pesakit Luar pada tahun 2024

Bulan	Peratusan
JAN	0
FEB	96.96
MAC	90.26
APRIL	49.58
MEI	65.24
JUN	72.15
JULAI	82.61
OGOS	99.53
SEPT	99.65
OKT	100
NOV	100
DIS	100



Rajah 10 : Peratus penggunaan Sistem Farmasi (preskripsi ubat) di Klinik Pesakit Luar pada tahun 2024



SING
MENT

DISPENSING
PAYMENT

3

2





BAB 4

Memperkasa Kemudahan Pelanggan



MSQH ACCREDITED HOSPITAL

HCTM


KAUNTER INFOR
INFORMATION CO

Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) terus komited dalam memperkukuh mutu penyampaian perkhidmatan selaras dengan moto **Better, Faster & Friendlier (BFF)**. Penekanan diberikan kepada usaha berterusan dalam memastikan pengalaman perawatan yang efisien, profesional dan berorientasikan pelanggan.

Saluran Maklum Balas Pelanggan

Maklum balas pelanggan merupakan elemen penting dalam usaha Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) menilai dan meningkatkan mutu perkhidmatan yang disediakan. HCTM sentiasa prihatin terhadap maklum balas yang disampaikan oleh pesakit melalui pelbagai saluran seperti pertanyaan, aduan, cadangan, penghargaan, serta tinjauan kepuasan pelanggan. Setiap maklum balas yang diterima dijadikan sebagai rujukan utama dalam usaha penambahbaikan berterusan demi memastikan perkhidmatan yang diberikan memenuhi keperluan dan jangkaan pelanggan.

Pelbagai saluran boleh digunakan oleh pelanggan untuk menyalurkan maklum balas seperti berikut:



Bermula Julai 2024, HCTM telah mula menggunakan Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) sebagai salah satu saluran rasmi bagi pengurusan maklum balas pelanggan. Sebagai Hospital Pengajar Universiti (HPU) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), SISPAA kini menjadi salah satu medium utama dalam menerima, merekod, memantau dan memberi maklum balas kepada pelanggan, termasuk aduan, cadangan dan penghargaan.

Pengurusan SISPAA di HCTM adalah di bawah tanggungjawab Unit Maklum Balas Pelanggan, Jabatan Kualiti, yang memastikan semua maklum balas ditangani secara profesional, telus dan berkesan selaras dengan amalan pengurusan kualiti yang ditetapkan.




SISPAA kini menjadi salah satu **medium utama** dalam **menerima, merekod, memantau dan memberi maklum balas** kepada **pelanggan**, termasuk **aduan, cadangan dan penghargaan.**

Tinjauan Kepuasan Pelanggan

Maklum balas yang diterima mendorong HCTM untuk melaksanakan pelbagai inisiatif penambahbaikan perkhidmatan secara berterusan. Bagi memastikan tahap kualiti perkhidmatan sentiasa ditingkatkan, tinjauan kepuasan pelanggan dilaksanakan secara berkala, manakala pemantauan dan penilaian tahap kepuasan pelanggan dijadikan asas dalam mengenal pasti ruang penambahbaikan. Segala maklum balas yang diperoleh dianalisis oleh jawatankuasa khas yang bertanggungjawab menyediakan laporan penemuan untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Semakan Pengurusan di peringkat jabatan dan hospital.

Jumlah aduan yang diterima menunjukkan penurunan dari tahun 2022, 2023 dan 2024. Pengendalian isu pelanggan yang dimulakan pada tahun 2023 merupakan antara faktor utama kepada penurunan jumlah aduan rasmi/berdaftar. Isu pelanggan diselesaikan bersama wakil jabatan/ lokasi perkhidmatan dengan segera dan tidak perlu didaftarkan sebagai aduan rasmi/berdaftar. Jumlah penerimaan penghargaan pula berkurang dari tahun 2022 kepada hanya 174 penghargaan pada tahun 2024.

Walau bagaimanapun, maklum balas yang diterima daripada pelanggan yang merangkumi penghargaan dan aduan menjadi teras kepada semua tindakan penambahbaikan perkhidmatan di HCTM.



Rajah 11: Jumlah penghargaan dan aduan yang diterima bagi tahun 2022 hingga 2024

Inisiatif Pemerkasaan Perkhidmatan Pelanggan

1. Kempen "1 Pesakit, 1 NRP: Kemaskini Maklumat Anda"


Antara usaha utama dalam penambahbaikan perkhidmatan pada tahun 2024 ialah pelaksanaan Kempen "1 Pesakit, 1 NRP: Kemaskini Maklumat Anda", yang digerakkan oleh Jabatan Khidmat Pelanggan. Melalui kempen ini, Sistem Nombor Rekod Pesakit (NRP) diselaraskan dan dimantapkan sebagai asas pengurusan maklumat pesakit yang lebih cekap dan tersusun. Inisiatif ini telah mempercepatkan proses pendaftaran dan rawatan dengan adanya maklumat pesakit yang terkini dan lengkap.

Pencapaian sehingga Disember 2024:

- Jumlah pesakit yang telah mengemas kini maklumat : 1351
- Peningkatan pemadanan rekod unik pesakit : 27

Melalui kempen ini, **Sistem Nombor Rekod Pesakit (NRP)** diselaraskan dan dimantapkan sebagai asas pengurusan maklumat pesakit yang **lebih cekap dan tersusun.**






Rajah 12: Statistik Kempen "1 Pesakit, 1 NRP: Kemaskini Maklumat Anda




2. MyMed Patient Portal

Dalam mendepani era digital, Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) terus mengoptimalkan penggunaan *MyMed Patient Portal*, sebuah platform digital yang membolehkan pesakit mengakses pelbagai perkhidmatan secara dalam talian. Antara fungsi utama portal ini termasuk menyemak tarikh temujanji, mengemukakan dokumen rujukan dan pengenalan diri, mengemaskini maklumat peribadi, serta menyemak bil hospital.

Pendigitalan perkhidmatan melalui *MyMed Patient Portal* telah berjaya mengurangkan keperluan kehadiran fizikal ke hospital, sekaligus menjimatkan masa dan kos bagi pesakit. Langkah ini juga secara langsung memperkukuh tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan yang ditawarkan oleh HCTM.



Secara keseluruhan, usaha ini mencerminkan komitmen berterusan HCTM dalam menyantuni dan mengutamakan pelanggan melalui pendekatan strategik, teknologi pintar, dan amalan terbaik perkhidmatan kesihatan.



Rajah 13: Statistik penggunaan *MyMed Patient Portal* HCTM bagi tahun 2024

3. Klinik Virtual HCTM

HCTM sentiasa mengambil langkah proaktif dalam memastikan keselesaan dan kesejahteraan pesakit. Salah satu inisiatif inovatif yang diperkenalkan ialah Klinik Virtual HCTM, yang tercetus daripada pengajaran semasa pandemik COVID-19. Beberapa modul projek rintis telah berjaya dilaksanakan ketika pandemik, khususnya bagi pesakit ulangan dalam disiplin tertentu. Walaupun pada peringkat awal klinik ini beroperasi secara tidak rasmi, sebuah fasiliti berpusat kini telah dibangunkan di HCTM bagi memperkukuh pengurusan Klinik Virtual dengan nilai tambah yang lebih menyeluruh.

Perkhidmatan Klinik Virtual ini memberi impak yang positif bukan sahaja kepada pesakit, malah juga kepada Pegawai Perubatan. Antara manfaat utama termasuk:

- ▶ Mengurangkan kesesakan di hospital
- ▶ Menjimatkan kos pesakit (contohnya bayaran parkir dan tambang)
- ▶ Mengurangkan masa menunggu
- ▶ Memberikan keselesaan (ubat boleh dihantar terus ke rumah melalui pos)
- ▶ Mengurangkan risiko jangkitan penyakit berjangkit
- ▶ Memanfaatkan teknologi maklumat (keputusan ujian boleh diakses secara digital tanpa kertas)

Bilangan doktor muda yang celik IT menunjukkan minat tinggi untuk menggunakan pendekatan teknologi berbanding sistem konvensional yang lebih memakan masa dan sesak.

Inisiatif ini mencerminkan nilai-nilai murni seperti keprihatinan terhadap kesihatan masyarakat, inovasi dalam penyampaian perkhidmatan, serta komitmen terhadap kesejahteraan pesakit. Dengan memanfaatkan teknologi, Klinik Virtual HCTM berusaha menyediakan perkhidmatan kesihatan yang lebih efisien, selamat dan mesra pengguna.

// Dengan memanfaatkan teknologi, **Klinik Virtual HCTM** berusaha menyediakan perkhidmatan kesihatan yang lebih **efisien, selamat dan mesra pengguna.**



4. Lobi Kemasukan dan Discaj

Selain dari itu, bagi meningkatkan mutu perkhidmatan, pada tahun 2022 HCTM telah membuat perancangan untuk mewujudkan Lobi Kemasukan dan Discaj yang bertujuan menempatkan pesakit yang telah dibenarkan pulang sementara menunggu ketibaan waris. Perancangan ini telah direalisasikan pada 2 Disember 2024 yang dirasmikan oleh YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohamad Abd Razak, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Kebangsaan Malaysia. Langkah ini diambil untuk mengoptimumkan penggunaan katil di wad-wad hospital dengan membolehkan pesakit yang perlu dimasukkan ke wad namun perlu menunggu persediaan katil dan pesakit telah discaj menunggu di kawasan khas, sekali gus mempercepatkan proses kemasukan pesakit baharu.

Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan HCTM dalam meningkatkan keselesaan pesakit dan memperbaiki perkhidmatan kesihatan yang ditawarkan. Dengan adanya Lobi Kemasukan dan Discaj ini, pesakit dapat menunggu dalam persekitaran yang lebih selesa dan teratur, sementara pihak hospital dapat menguruskan aliran pesakit dengan lebih efisien. Langkah ini juga mencerminkan komitmen HCTM dalam menyediakan perkhidmatan yang mesra pesakit dan berorientasikan kualiti.



5. Kaunter Pertanyaan One Stop Pharmacy (OSP) di Farmasi Pesakit Luar Utama, HCTM

Perkhidmatan Farmasi HCTM telah mengambil langkah proaktif dengan mewujudkan Kaunter Pertanyaan One Stop Pharmacy (OSP) yang terletak di Farmasi Pesakit Luar Utama. Inisiatif ini dilaksanakan oleh Jabatan Farmasi bagi memudahkan pesakit mendapatkan maklumat berkaitan perkhidmatan farmasi serta mendaftar untuk perkhidmatan penghantaran ubat melalui pos.

Kaunter OSP mula diperkenalkan pada Ogos 2022 dengan objektif utama untuk:

- ▶ Menjawab pertanyaan berkaitan ubat-ubatan dan perkhidmatan farmasi.
- ▶ Mencetak semula preskripsi ulangan.
- ▶ Membantu pesakit menggunakan Sistem Value Added Services (VAS) dengan lebih efisien.
- ▶ Meningkatkan kelancaran urusan di kaunter farmasi.

Pelaksanaan kaunter ini telah menunjukkan kesan positif yang ketara, antaranya:

- ▶ Pengurangan jumlah aduan pelanggan berkaitan preskripsi dan perkhidmatan farmasi.
- ▶ Tempoh menunggu di kaunter dapat dikurangkan.
- ▶ Peningkatan tahap pemahaman pesakit terhadap perkhidmatan tambah nilai farmasi.

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 21,188 kes pertanyaan telah direkodkan, dengan purata 1,766 kes sebulan. Di samping itu, sebanyak 5,506 preskripsi ulangan telah dicetak semula melalui perkhidmatan ini.

Inisiatif ini dilaksanakan bagi **memudahkan pesakit** mendapatkan maklumat berkaitan **perkhidmatan farmasi** serta **mendaftar** untuk perkhidmatan **penghantaran ubat melalui pos**.



6. Sistem Tambah Nilai Farmasi (Value Added Services, VAS)

Sistem Tambah Nilai Farmasi (Value Added Services, VAS) merupakan satu inisiatif yang direka bentuk untuk merekod permohonan pesakit bagi perkhidmatan Panggil dan Ambil (PDA) serta Ubat Melalui Pos (UMP), dengan tujuan memudahkan pesakit mendapatkan bekalan ubat susulan secara lebih cekap dan fleksibel. Penggunaan sistem ini telah diperkenalkan secara rasmi di Jabatan Farmasi HCTM bermula pada 5 Disember 2022, dan sejak itu, pelbagai penambahbaikan telah dilaksanakan bagi meningkatkan kemudahan kepada pesakit.

Prestasi Perkhidmatan Value Added Services (VAS) di HCTM

Perkhidmatan Value Added Services (VAS) yang merangkumi sistem Panggil dan Ambil (PDA) serta Ubat Melalui Pos (UMP) telah menunjukkan peningkatan ketara dari segi penggunaan dan keberkesanan sejak pelancarannya secara rasmi pada Januari 2023.

Statistik Penghantaran Ubat

Jumlah bungkusan ubat yang dihantar melalui UMP mencatatkan perkembangan berikut:

- ▶ 2022 : 35,922 bungkusan
- ▶ 2023 : 60,412 bungkusan (peningkatan 40.54% berbanding tahun 2022)
- ▶ 2024 : 57,898 bungkusan


Daripada jumlah keseluruhan bungkusan tahun 2024, sebanyak 21,302 bungkusan adalah melalui perkhidmatan PDA, manakala 1,454 bungkusan merupakan penghantaran Same Day Delivery bagi item sejuk.

Penggunaan oleh Pesakit JPA

Perkhidmatan UMP juga mendapat sambutan dalam kalangan pesakit JPA (pesara kerajaan yang layak menerima ubat pakar secara percuma dengan syarat tertentu). Pada tahun 2024, terdapat 2,551 bungkusan direkodkan berbanding hanya 433 bungkusan pada tahun sebelumnya, menunjukkan peningkatan penggunaan yang sangat memberangsangkan.

Prestasi Sistem Tempahan Dalam Talian

Sejak sistem VAS atas talian dilancarkan, jumlah pesakit yang membuat tempahan PDA melalui sistem ini dari Mei hingga Disember 2024 ialah sebanyak 5,658 orang, mencerminkan keberkesanan inisiatif ini dalam meningkatkan kualiti dan akses kepada perkhidmatan farmasi.




Rajah 14: Jumlah penghantaran ubat menggunakan perkhidmatan UMP bagi tahun 2022 hingga 2024



7. Perkhidmatan Audiologi

Hospital Canselor Tuanku Muhriz sentiasa peka terhadap keperluan rawatan pesakit. Klinik Audiologi telah memulakan perkhidmatan khusus kes tinitus sejak 2019. Pada tahun 2024, selari dengan peningkatan pesakit dan pertambahan kes kompleks, perkhidmatan ini telah dikembangkan kepada skop yang lebih besar iaitu Neuroaudiologi.

Neuroaudiologi memainkan peranan penting dalam memahami dan menilai perkaitan tinitus dengan fungsi laluan saraf pendengaran menggunakan ujian elektrofisiologi seperti *Auditory Brainstem Response* (ABR) dan ujian pemprosesan auditori pusat. Dalam kes tinnitus kompleks, audiologis membantu mengenal pasti sama ada gejala tersebut berpunca daripada masalah di peringkat koklea, saraf auditori, atau kawasan otak yang terlibat dalam pemprosesan bunyi. Perkhidmatan ini melangkaui piawai Audiologis yang rutin seperti mendiagnosis serta memberikan pemulihan kepada pesakit bermasalah pendengaran.



Rajah 15 : Bilangan prosedur dan perkhidmatan audiologi tinnitus tahun 2024

8. Penyiaran & Multimedia

Jabatan Multimedia dan Penyiaran (JMP) HCTM telah mengorak langkah dengan memperkenalkan rancangan bual bicara bersama doktor pakar mengikut bidang kepakaran masing-masing. Rancangan ini adalah hasil kerjasama dan hubungan strategik pihak HCTM melalui JMP bersama agensi luar samada agensi kerajaan mahupun swasta. Penerbitan siaran ini diusahakan sepenuhnya oleh kakitangan JMP. Rancangan ini disiarkan melalui saluran TV HCTM serta platform rasmi YouTube HCTM, sekali gus memperluaskan capaian maklumat kesihatan kepada pesakit dan orang awam.

Inisiatif ini bukan sahaja menjadi wadah penyampaian maklumat perubatan secara berkesan, malah mengukuhkan hubungan pelanggan melalui perkongsian ilmu kesihatan yang mudah difahami dan diakses oleh masyarakat.



Sepanjang tahun 2024, beberapa topik penting kesihatan telah disiarkan, antaranya;

1. **Resdung : Apakah Itu Polip?** - Dr. Hardip Singh Gendeh.
2. **Vertigo: Dari Punca Ke Penyembuhan** - Dr. Wan Nabila Wan Mansor.
3. **Pencegahan Kanser Serviks: Saringan Awal dan Vaksinasi** - Dr. Phon Su Ee.
4. **Kecederaan Sukan Buku Lali, Rawatan Bukan Selalunya Pembedahan** - Dr. Nik Alif Azriq.
5. **Apakah Yang Berlaku Pada Wanita Selepas Bersalin** - Dr. Nur Rowaida Roslan.
6. **Dari Sakit Kaki Ke Potong Kaki** - Dr. Lenny Suryani Safri.
7. **Bila ST Bersuara** – Khusus berkaitan masalah pendengaran – Jabatan Perkhidmatan Pemulihan Perubatan dengan kerjasama agensi kesihatan diluar.



JANGAN LUPA
Like, Share & **SUBSCRIBE**
YouTube HCTM TV



9. Kafeteria Lobi Pelawat

HCTM turut menyediakan kemudahan kafeteria yang kondusif, dengan pelbagai pilihan makanan bagi memenuhi keperluan serta keselesaan pelanggan dan kakitangan. Kafeteria di Lobi Pelawat telah ditambah baik dengan ruang yang lebih selesa dan pilihan makanan yang pelbagai melalui gerai-gerai baharu seperti sarapan pagi, masakan panas, dan minuman. Ruang meja dan kerusi yang luas disediakan agar lebih selesa untuk pesakit, waris serta kakitangan.



10. Surau Ibnu Sina

Bagi kemudahan pesakit dan pelawat serta kakitangan beragama Islam, HCTM menyediakan Surau Ibnu Sina di Tingkat 1, Blok Klinikal. Surau ini mampu menampung jemaah sehingga 1,000 jemaah pada satu masa. Surau ini dibuka dari jam 5.30 pagi hingga 10.00 malam dan ditauliahkan untuk solat Jumaat. Kakitangan di surau ini terdiri daripada kakitangan Pusat Islam UKM dan juga kakitangan HCTM yang mendapat tauliah pelantikan daripada Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI).



11. Kemudahan Mesra OKU

Sebagai tanda keprihatinan terhadap keperluan pelanggan Orang Kelainan Upaya (OKU), pelbagai kemudahan mesra OKU telah disediakan seperti tandas awam OKU, parkir kenderaan pemandu OKU serta laluan kerusi roda. Bagi memudahkan urusan pesakit, kakitangan Khidmat Pelanggan ditempatkan di anjung Lobi Utama dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari untuk membantu menurunkan pesakit dan mengiringi ke Lobi Utama. Perkhidmatan pinjaman kerusi roda turut disediakan agar pesakit OKU atau individu yang memerlukan dapat tiba di klinik dengan selamat dan selesa.







BAB 5

Modal Insan Berkualiti, Pengurusan Kewangan Berintegriti



Pengurusan sumber yang baik dapat memastikan HCTM beroperasi secara efisien dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan.

Sehubungan itu, HCTM mempunyai kekuatan seramai 3,805 orang yang mana seramai 3636 orang adalah kakitangan Tetap (Berwaran) dan seramai 169 orang adalah kakitangan kontrak dengan taburan seperti berikut:

Kumpulan Perkhidmatan	Tetap	Kontrak	Jumlah
Pengurusan Tertinggi	3	1	4
Pengurusan & Profesional	532	15	547
Pelaksana	3101	153	3254
Jumlah Keseluruhan	3636	169	3805

* Statistik perjawatan pada 31 Disember 2024

Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1/2024 Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan telah berkuatkuasa mulai 1 Disember 2024 dan pelaksanaan tersebut juga terpakai dan memberi implikasi kepada perkhidmatan kakitangan HCTM. Antara fokus utama adalah penambahbaikan syarat minimum pelantikan ke dalam perkhidmatan awam, pelarasan gaji permulaan, struktur gaji yang lebih jelas serta kenaikan pangkat dan kemajuan kerjaya yang berorientasikan prestasi.

Pelan Pembangunan Sumber Manusia

Seramai 159 orang kakitangan telah dinaikkan pangkat atas kecemerlangan yang telah dipamerkan pada tahun 2024 seperti berikut:



Data Kenaikan Pangkat 150 Orang

HCTM juga sangat mementingkan kompetensi kakitangan dalam memastikan kakitangan berkemahiran tinggi dan mampu berdaya saing. Justeru itu latihan komprehensif diberikan kepada kakitangan sedia ada dan kakitangan baharu seperti berikut:

- ▶ Kursus Maya - **43**
- ▶ Kursus Fizikal - **57**
- ▶ Program Transformasi Minda - **3**
- ▶ Kursus Orientasi - **2**
- ▶ Kursus Usaha Sama - **14**
- ▶ Kursus Anjuran Luar - **806**

JUMLAH KESELURUHAN : 925



▶ Kenaikan pangkat Pegawai Pengurusan dan Profesional

Selain itu, HCTM juga menyokong penuh kakitangan yang berhasrat untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi bagi perkembangan kerjaya dan meningkatkan kompetensi seperti Jadual 16.

Perkembangan Kerjaya	Jumlah
Cuti Belajar (Sepenuh Masa)	4
Cuti Belajar (Separuh Masa)	547
Pos Basik	3254
Jumlah Keseluruhan	3805

Jadual 16 : Statistik pembangunan kerjaya staf HCTM tahun 2024


Di samping itu, HCTM juga turut menghargai sumbangan dan komitmen kakitangan yang sentiasa berusaha memberikan perkhidmatan yang cemerlang. Sehubungan itu, seramai 487 orang kakitangan telah diberikan penghargaan pada tahun 2024 (Jadual 17).

Anugerah	Kumpulan Pengurusan Tertinggi	Kumpulan Pengurusan & Profesional	Kumpulan Pelaksana	Jumlah
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang	1	43	258	302
Anugerah Perkhidmatan 20 Tahun	-	16	169	185
Jumlah Keseluruhan	1	59	427	487

Jadual 17 : Statistik anugerah perkhidmatan cemerlang tahun 2024

Bagi tahun 2024, seramai 21 orang telah bersara wajib, 17 orang telah bersara pilihan dan dua (2) orang pencen terbitan (meninggal dunia).

Seramai 159 orang kakitangan telah dinaikkan pangkat atas kecemerlangan yang telah dipamerkan pada tahun 2024."




Pengurusan Kewangan dan Bajet Hospital

Prestasi Keseluruhan Bajet Operasi tahun 2020 sehingga 2024

Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) telah beroperasi menggunakan geran peruntukan yang disalurkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) serta peruntukan tambahan seperti geran Emolumen Kakitangan Kontrak, geran APPL dan lain-lain. Bagi melancarkan operasi juga, HCTM turut menggunakan sumber dalaman sebagai sumber perbelanjaan berikutan ketidakcukupan geran peruntukan yang diterima.

Peruntukan untuk perbelanjaan menunjukkan berlakunya peningkatan pada tahun 2024 berbanding tahun-tahun sebelumnya. Pada tahun 2024, peruntukan untuk perbelanjaan adalah sebanyak RM441.8 juta berbanding RM435.6 juta pada tahun 2023 berikutan peruntukan tambahan (lain-lain) yang diterima adalah lebih tinggi iaitu sebanyak RM12.3 juta berbanding RM2 juta pada tahun 2023. Perbelanjaan mengurus untuk pada tahun 2024 juga menunjukkan peningkatan dan melebihi peruntukan perbelanjaan berbanding tahun-tahun sebelumnya di mana perbelanjaan pada tahun 2024 adalah sebanyak RM502.1 juta iaitu 13.62% lebih tinggi berbanding jumlah peruntukan tahun tersebut dan bagi menampung keperluan perbelanjaan, HCTM telah menggunakan rizab hospital berjumlah RM60.2 juta.

Laporan prestasi peruntukan dan perbelanjaan bagi tempoh tiga (3) tahun iaitu tahun 2022 sehingga tahun 2024 adalah sepertimana yang dinyatakan dalam Rajah 15.




Rajah 15: Peruntukan dan perbelanjaan HCTM untuk bagi tahun 2022 hingga 2024

“ Pada tahun 2024, peruntukan untuk **perbelanjaan** adalah sebanyak **RM441.8 juta** berbanding **RM435.6 juta** pada tahun 2023.”




Rajah 16 menunjukkan perbelanjaan emolumen bagi tahun 2022 hingga 2024. Perbelanjaan emolumen bagi kakitangan HCTM pada tahun 2024 menunjukkan berlaku peningkatan sebanyak 4.45% iaitu RM276.8 juta berbanding RM264.8 juta pada tahun 2023.



Rajah 16: Perbelanjaan emolumen HCTM bagi tahun 2022 hingga 2024

Rajah 17 menunjukkan purata perbelanjaan HCTM per pesakit secara keseluruhan bagi tahun 2022 hingga tahun 2024. Secara amnya, perbelanjaan per pesakit menunjuk penurunan pada tahun 2023. Manakala, pada tahun 2024, perbelanjaan keseluruhan HCTM per pesakit mencatatkan kos yang sama sebanyak RM840 per pesakit berbanding bagi tahun 2023.



Rajah 17: Purata perbelanjaan HCTM per pesakit secara keseluruhan bagi tahun 2022 hingga tahun 2024

HCTM juga telah diberikan kelulusan sebanyak RM60 juta melalui peruntukan pembangunan (DE) di bawah belanjawan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) pada tahun 2024. Sebahagian besar projek yang diluluskan adalah merupakan projek penggantian peralatan usang berjumlah RM48 juta termasuk kerja-kerja ubahsuai dan penggantian infrastruktur utama berjumlah RM12 juta yang melibatkan penggantian Kabel MICC, Menara Penyejuk dan Loji Pengokol. Pelaksanaan projek ini sedang dilakukan bagi membantu memperkukuh sistem penjagaan kesihatan dan menambahbaik fasiliti hospital supaya pembangunan hospital lebih seimbang dan keterangkuman yang lebih baik.

Usaha untuk menambahbaik kesihatan di kalangan penduduk diteruskan melalui program *Mobile Community Services* pada tahun 2024. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan, kefahaman dan kesedaran dalam penjagaan kesihatan komuniti seperti pemeriksaan kesihatan asas, perkhidmatan kesihatan lelaki dan wanita, khidmat nasihat pemakanan bagi mengurangkan kadar morbidity dan mortaliti penduduk Malaysia. Program penjagaan kesihatan ini merangkumi individu kurang upaya, warga emas, kanak-kanak, komuniti Orang Asli, dan kawasan penduduk luar bandar. Program ini juga melibatkan warga HCTM, agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), doktor pakar perubatan, pegawai perubatan, pensyarah dan juga pelajar Fakulti Perubatan UKM. Program ini juga melibatkan warga HCTM, agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), doktor pakar perubatan, pegawai perubatan, pensyarah dan juga pelajar Fakulti Perubatan UKM.



Program IKMAS 2024 - Kg. Orang Asli Pos Tenau, Slim River, Perak.



Prestasi Keseluruhan Bajet Operasi tahun 2020 sehingga 2024

HCTM mendapat penyaluran geran mengurus melalui Kementerian Pengajian Tinggi secara tahunan bagi menampung operasi Hospital. Selain itu HCTM juga menjana pendapatan daripada pelbagai sumber, iaitu hasil pesakit menjadi merupakan komponen utama. Sumber pendapatan hasil pesakit terdiri daripada caj perkhidmatan rawatan, caj wad, caj penyediaan laporan perubatan dan lain-lain.

Hasil HCTM menunjukkan peningkatan pendapatan setiap tahun di mana peningkatan ini selaras dengan peningkatan kehadiran pesakit, semakin kepada polisi dan kadar caj perkhidmatan rawatan bagi memastikan pengurusan dana yang cekap dan mengelakkan pembaziran.

Selain daripada hasil pesakit, beberapa Inisiatif Penjana Pendapatan juga dilaksanakan dengan menekankan kepada kepelbagaian aliran pendapatan dan pengoptimuman proses kewangan. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah dengan menjana pendapatan melalui penyewaan ruang, jualan alatan perubatan dan ubat *Non-Formulary*, keuntungan dari pelaburan simpanan tetap dan lain-lain.



Hospital juga mewujudkan Tabung Kebajikan Pesakit di mana tabung ini menyediakan bantuan kepada pesakit kurang berkemampuan. Ini memastikan akses kepada rawatan walaupun ada kekangan kewangan. Hasil daripada tabung adalah merupakan sumbangan daripada pihak luar seperti Yayasan UEM, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Pusat Zakat dan juga sumbangan individu.

Secara keseluruhan, pendapatan pesakit adalah tunjang kewangan HCTM, dengan peningkatan kehadiran pesakit menjadi pemacu utama pertumbuhan. Walaupun menghadapi cabaran seperti peningkatan kos operasi, fokus HCTM terhadap pengurusan kewangan yang cekap dan kepelbagaian aliran pendapatan adalah penting untuk kelestarian masa depannya.



Majlis Penyampaian Sumbangan oleh Yayasan UEM Medical Assistance Programme 2024 ke Tabung Kebajikan Pesakit HCTM.

Kalender Aktiviti HCTM 2024

Perasmian Klinik Kesihatan Pekerjaan
Hospital Canselor Tuanku Muhriz.

Majlis Perhimpunan Kakitangan
Hospital Canselor Tuanku Muhriz Bil. 1/2024.

Januari

Majlis Perasmian Hari Kesedaran Kanser Hati

Majlis Perasmian Pertandingan *Mission SlimPossible* MOHE 2.0

Program Khatan Beramai-ramai (Sunathon)
Kementerian Pendidikan Tinggi

Audit Pensijilan Semula Program MS ISO
9001:2015 SPK HCTM

Februari

Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2024

Majlis Perasmian Mesin MRI 3 TESLA

Program Agihan Juadah Berbuka

Program Memasak dan Mengagihkan
Pek Makanan Berbuka

Program Jom Sahur

Program Edaran Bubur Lambuk Perdana

Program Agihan Juadah Berbuka

Mac

Majlis Munajat Perdana 1445H/2024 dan
Pelancaran Buku Doa dan Zikir

Aktiviti Seni : Cara membuat Kuih Putu Kacang
dan Ketupat Palas

Majlis Perasmian Penutup Program Ihya'
Ramadan dan Santunan Kasih Aidilfitri 1445H

Program Bingkisan Kasih Aidilfitri 2024

Majlis Penyampaian Juadah Sempena Hari Raya
Pertama Aidilfitri, 1 Syawal 1445H/2024

Program 'YUEM Medical Assistance'

Program Terjah Raya 2024

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2024/1445H
Kampus Kuala Lumpur (Zon Cheras) UKM

Majlis Perasmian Bengkel
Fundamentals In Aseptic Dispensing

Majlis Penyerahan Projek Rolling Plan 4 (RP4)
Rancangan Malaysia Ke-11 UKM

April

Kalender Aktiviti HCTM 2024

Majlis Pelancaran Podcast Bila ST Bersuara

Program Mission SlimPossible MOHE 2.0

Hari Mesra bersama Perkhidmatan
Kejururawatan UKM 2024

Majlis Penutup Healthcare Leadership

Management Programme dan Pertukaran
Dokumen Memorandum Persefahaman
(MoU) Antara UKM dan SingHealth

Majlis Perasmian Sambutan
Hari Kebersihan Tangan Sedunia Peringkat
Hospital Canselor Tuanku Muhriz 2024

Sambutan Hari Pembantu Perubatan
Peringkat HCTM 2024

Program Pemakanan Sihat sempena Program
Mobile Community Services HCTM

Simbolik serahan Sumbangan Permaidani
Baharu (corak Raudhah Masjid Nabawi Di
Madinah) dan papan sesekat

Program Pemakanan Sihat siri kedua sempena
Program *Mobile Community Services* HCTM

Sambutan Hari Jururawat Sedunia
Peringkat UKM Tahun 2024



Mei



Aktiviti Seni : Persembahan Tarian Sumazau
dan Magunatip Sempena Pesta Kaamatan
dan Hari Gawai 2024

Blood Drive 2.0

Seminar Kesihatan Awam

Inisiatif Komuniti Bebas Asap Rokok (IKBAR)

Jom Derma Darah Siri 4/2024

Program Korban dan Akikah



Jun

Program Outreach Kementerian Pendidikan
Tinggi (KPT) - Perkhidmatan Klinik
Bergerak dan Ziarah Kasih

Latihan Kebakaran Taska HCTM

Sambutan Ulang Tahun ke-27

Majlis Sambutan Minggu Sarcoma dan Ulang
Tahun Unit Tumor Muskoskeletal Ke-15

Program Aeon Kasih

Perasmian Program Ceramah Ancaman Bom

Julai



Kalender Aktiviti HCTM 2024



Ogos



Majlis Penyampaian Hadiah Kempen MyDebit dan DuitNow QR Kampus Kuala Lumpur UKM

Program Sunathon Bukit Aman 2024

Majlis Anugerah Perkhidmatan Tahun 2024

Majlis Perasmian Minggu Kesedaran Kanser Payudara (Pinktober)

Majlis Penyerahan Set Infaq Pengurusan Jenazah

Majlis Perasmian Jamuan Kejohanan Sukan Staf antara Gugusan UKM 2022 dan 2023

Program Bubur Asyura 1446H

Program Merdeka Tanah Airku - Webinar Kenali Personaliti Narsistik

Program Jom Karnival Kucing Madani

Jom Derma Darah Siri 5/2024

Majlis Bicara HCTM : 45 Minit bersama Pengarah

Program Merdeka Tanah Airku - Ceramah Motivasi: Merdekakah Pemikiran Kita?

Program Merdeka Tanah Airku - Tayangan Filem

September



Oktober



Reruai kesihatan di Program Komuniti Larangan Pembakaran Terbuka anjuran Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Majlis Perasmian Seminar Wanita : Wanita dan Kesihatan

Majlis Perasmian Sambutan Bulan Kesedaran Kesihatan Tulang dan Sendi 2024

Majlis Perasmian Program Khidmat Masyarakat 'Mari Berjumpa Pakar Kesihatan'

Majlis Perasmian Minggu Risiko, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MRKKP) UKM 2024

Majlis Perasmian Program '4th UKM Renal Symposium 2024'

Program Kempen "Kempen 1 Pesakit 1 NRP, Kemaskini Maklumat Anda"

Kalender Aktiviti HCTM 2024

Majlis Perasmian 'Post-Stroke Care & Rehabilitation Workshop : Updates, Challenges & Opportunities'

Majlis Hari Kesedaran Penyakit Jarang Jumpa 2024

Majlis Graduasi Taska Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) Sesi 2024

Syarahan Umum Prof. Dr. Chim C Lang dan Forum Kesihatan : Cabaran Dalam Menangani Penyakit Kardiovaskular, Harapan dan Masa Depan

November



Majlis Pelancaran Kemudahan Terkini Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM)

Lawatan Ramah Mesra Pengarah HCTM Bersama Warga HCTM Siri 1

Sambutan Hari Jantung Sedunia Peringkat Hospital Canselor Tuanku Muhriz

Lawatan Ramah Mesra Pengarah HCTM Bersama Warga HCTM Siri 2

Majlis Sambutan Hari Pembantu Perawatan Kesihatan (PPK)

Jom Derma Darah Siri 7/2024

Program Riadah Bersama Pengarah Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM)

Pelancaran Kempen "1 Pesakit, 1 NRP : Kemaskini Maklumat Anda"

Program Sunathon Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM)



Disember



AHLI JAWATANKUASA PENERBITAN LAPORAN TAHUNAN HCTM 2024

Penasihat

YBhg. Dato' Dr. Azmi Baharudin

Pengerusi

Encik Mursidi Ahamad

Ahli Jawatankuasa

Prof. Madya Dr. Jamari Sapuan
Prof. Dr. Hamzaini Abdul Hamid
Dr. Zairul Azwan Mohd Azman
Puan Wan Omi Wan Yussop
Puan Masrifah Zakaria
Puan Nadia Noor Awal
Puan Sherda Ruslan
Encik Shahrol Iza Suid Albana
Puan Nur Ahlina Abdullah

Rekabentuk / Rekaletak

Encik Massril Mohammad Nasir

Fotografi

Puan Noorashikin Yusof
Encik Hang Jebat Mukhtar Affandi





HCTM.UKM



@hctmTV



hctm_ukm



@hctm_ukm



@hctm_ukm

Better . Faster . Friendlier

www.hctm.ukm.my

ILMU, MUTU DAN BUDI